SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 15 (A197)

Adakah semua Ketua Kampung di negeri Johor ini di carum PERKESO?

YB DATO' SRI DR. HAJI ADHAM BIN BABA (PASIR RAJA)
SOALAN 16 (A14)

Saya minta YB menjelaskan apakah kriteria dan mekanisme yang digunakan oleh kerajaan negeri untuk mempertimbangkan pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu, termasuk aspek kepadatan penduduk, keluasan kawasan, pertambahan penempatan serta keperluan penduduk, dan apakah prosedur yang perlu dilalui bagi mendapatkan kelulusan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MD. ISRAK BIN ABDULLAH
(Jawapan bersekali untuk soalan A197 & A14)

Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited dalam memperkukuh institusi kepimpinan masyarakat di peringkat akar umbi, khususnya melalui pemerkasaan peranan Ketua Kampung sebagai penghubung utama antara Kerajaan Negeri dengan masyarakat setempat.

Sehingga tahun 2026, Negeri Johor mempunyai penjawatan seramai 667 orang Ketua Kampung yang memainkan peranan penting dalam menyelaras pembangunan, menjaga kebajikan penduduk serta memastikan dasar dan inisiatif Kerajaan dapat disampaikan secara berkesan kepada masyarakat.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri terus memberikan perhatian kepada aspek kebajikan dan perlindungan sosial Ketua Kampung, di samping memastikan pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu dilaksanakan secara teratur berdasarkan keperluan penduduk dan tatacara yang ditetapkan.

PERTAMA: PERLINDUNGAN SOSIAL DAN CARUMAN PERKESO KETUA KAMPUNG

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua Ketua Kampung di Negeri Johor telah dicarumkan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Inisiatif Bantuan Caruman Lindung Kendiri ini telah dimulakan pada tahun 2025 dan diteruskan pada tahun 2026 sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh jaringan perlindungan sosial kepimpinan masyarakat luar bandar.
Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM104,852.40 setahun bagi membiayai caruman PERKESO kepada semua 667 orang Ketua Kampung, dengan kadar caruman sebanyak RM13.10 sebulan bagi setiap individu.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Perlindungan ini penting bagi menyediakan jaringan keselamatan sosial kepada Ketua Kampung sekiranya berlaku kemalangan atau bencana pekerjaan semasa menjalankan tugas, tertakluk kepada syarat dan kelayakan skim PERKESO.

Selain Ketua Kampung, inisiatif perlindungan sosial ini turut diperluaskan kepada Ketua Masyarakat, Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta Batin Orang Asli di Negeri Johor.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri turut memperkukuh kebajikan Ketua Kampung melalui beberapa inisiatif tambahan pada tahun 2026, antaranya:

i. Peningkatan elaun bulanan Ketua Kampung kepada RM1,500, merangkumi sumbangan Kerajaan Negeri sebanyak RM1,000 dan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500.

ii. Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM1,500 kepada setiap 667 orang Ketua Kampung.

iii. Bantuan Kasih Johor (BKJ) sebanyak RM1,000 kepada setiap Ketua Kampung yang sedang berkhidmat.

Kesemua inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menghargai peranan dan sumbangan Ketua Kampung yang menjadi penggerak utama pentadbiran serta pembangunan masyarakat di peringkat kampung.

KEDUA: KRITERIA PEWUJUDAN JAWATAN KETUA KAMPUNG BAHARU

Bagi menjawab persoalan mengenai pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu, Kerajaan Negeri adalah berpandukan Tatacara Pengurusan Institusi Pentadbiran Peringkat Kampung di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).
Berdasarkan tatacara tersebut, cadangan pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu hendaklah memenuhi kriteria asas, iaitu:

i. Mempunyai sekurang-kurangnya 1,000 orang penduduk; atau
ii. Mempunyai sekurang-kurangnya 200 buah rumah.

Selain kriteria asas tersebut, maklumat berkaitan keluasan kawasan kampung, jumlah penduduk serta status penempatan turut perlu dikemukakan bagi menyokong pertimbangan pewujudan jawatan baharu.

Ini termasuk cadangan bagi kawasan kampung yang baru diteroka atau kawasan yang dicadangkan untuk dipecahkan daripada pentadbiran kampung sedia ada. Pendekatan ini bertujuan memastikan pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu dibuat berdasarkan keperluan pentadbiran dan keadaan sebenar penempatan, selaras dengan tatacara yang berkuat kuasa.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

KETIGA: MEKANISME DAN PROSEDUR PERMOHONAN

Bagi memastikan setiap permohonan dinilai secara teratur, prosedur pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu adalah seperti berikut:

i. Penyediaan Kertas Cadangan oleh Pejabat Daerah
Pejabat Daerah yang berkaitan perlu menyediakan kertas cadangan pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu berserta profil kampung yang merangkumi jumlah penduduk, keluasan kawasan serta status kampung, sama ada kampung baharu diteroka atau pecahan daripada kampung sedia ada.

ii. Semakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
Kertas cadangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor melalui Bahagian Khidmat Pengurusan, selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM), untuk semakan dan penyelarasan.

iii. Pertimbangan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)
Setelah kertas cadangan lengkap, permohonan berkenaan akan dimajukan kepada KKDW untuk pertimbangan berdasarkan tatacara dan syarat yang telah ditetapkan. Justeru, pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu bukan dilaksanakan secara automatik berdasarkan pertambahan penduduk semata-mata, sebaliknya perlu melalui proses permohonan, semakan dan pertimbangan pihak berkuasa yang berkaitan.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Johor akan terus memperkukuh institusi kepimpinan kampung melalui penyediaan perlindungan sosial, peningkatan kebajikan serta penambahbaikan pentadbiran di peringkat akar umbi.

Dalam aspek pewujudan jawatan Ketua Kampung baharu pula, Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan keperluan penambahan jawatan berdasarkan perkembangan penempatan dan keperluan pentadbiran setempat, tertakluk kepada tatacara serta kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan.

Matlamat Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan setiap kampung mempunyai struktur kepimpinan yang tersusun, berfungsi dengan berkesan serta mampu menjadi penghubung antara Kerajaan dengan masyarakat demi kesejahteraan seluruh Bangsa Johor.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN CHUA JIAN BOON (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 17 (A164)

Apakah hala tuju cadangan Rumah Orang Muda Johor dalam membantu belia dan keluarga muda mendapatkan kediaman pertama yang bersesuaian dengan kemampuan mereka?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat Layang-Layang, Kerajaan Negeri menyediakan beberapa pilihan perumahan untuk membantu golongan muda memiliki rumah pertama. Selain Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ), kita turut menyediakan Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ) sebagai rumah sewa sementara kepada belia dan pasangan muda yang sudah berkahwin.

RTBJ dilaksanakan bukan untuk mencari keuntungan. Kadar sewanya 30 peratus lebih rendah daripada sewa pasaran. Program ini menggunakan konsep menyewa sambil menyimpan.

Sebahagian bayaran sewa bulanan dijadikan simpanan untuk membantu penyewa menyediakan deposit membeli rumah pada masa depan, tertakluk kepada syarat program. Dengan cara ini, golongan muda dapat mengurangkan perbelanjaan dan mula menyimpan untuk rumah sendiri.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM36.65 juta bagi enam projek RTBJ yang melibatkan 609 unit rumah. Empat projek terletak di Johor Bahru, satu di Kulai dan satu di Kluang.

Perincian enam projek RTBJ adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Daerah	Jumlah Unit
1	RTBJ Taman Laman Indah	Johor Bahru	100
2	RTBJ Taman Mutiara Rini	Johor Bahru	38
3	RTBJ Taman Nusa Sentral, Mukim Pulai	Johor Bahru	71
4	RTBJ Pangsapuri Akasia, Taman Kempas Utama, Mukim Tebrau	Johor Bahru	92
5	RTBJ Bandar Putra, Mukim Senai	Kulai	216
6	RTBJ Taman Tasik Indah, Mukim Kluang	Kluang	92
JUMLAH KESELURUHAN			**609**

Melalui RTBJ, golongan muda boleh menyewa pada kadar lebih rendah sambil membuat persediaan kewangan sebelum membeli rumah sendiri.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) akan terus memantau penghunian, penyelenggaraan dan pelaksanaan simpanan supaya program ini benar-benar membantu penyewa.

Kerajaan Negeri juga sedang merancang Rumah Orang Muda Johor untuk membantu belia dan keluarga muda berumur 40 tahun ke bawah membeli rumah pertama mengikut kemampuan mereka.

Antara cadangan awal ialah projek di Pasir Gudang, Kulai dan Iskandar Puteri, melalui kerjasama dengan Ekuiti Idaman, Sunway Property dan SAC City Sdn. Bhd. Cadangan ini masih di peringkat perancangan.

Selain menyediakan rumah, Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan melalui Inisiatif Perumahan Kasih Johor (PKJ). Tiga bantuan ini membantu rakyat yang layak menampung kos membeli, masuk dan menyewa rumah.

Bil.	Komponen Bantuan	Kadar Bantuan
1	Bantuan Beli Rumah Pertama	RM5,000
2	Bantuan Masuk Rumah Pertama	RM2,000
3	Bantuan Sewa Rumah	RM2,500

Bantuan Beli Rumah Pertama membantu kos awal pembelian. Bantuan Masuk Rumah Pertama membantu perbelanjaan apabila berpindah ke rumah baharu. Bantuan Sewa Rumah pula meringankan bayaran sewa. Semua bantuan tertakluk kepada syarat kelayakan masing-masing.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 18 (A5)

Apakah langkah kerajaan membantu pengguna yang menjadi mangsa penipuan urusniaga dalam talian, iklan mengelirukan, caj tersembunyi dan perkhidmatan tidak menepati janji. Berapakah jumlah aduan, nilai kerugian, jumlah kes yang diselesaikan serta tindakan terhadap peniaga yang berulangkali lakukan kesalahan?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa mengambil langkah bagi melindungi hak dan kepentingan pengguna daripada menjadi mangsa penipuan urus niaga dalam talian, iklan mengelirukan, caj tersembunyi serta perkhidmatan yang tidak menepati janji. Dalam hal ini, KPDN menguatkuasakan beberapa perundangan utama, khususnya Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599], Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] dan peraturan-peraturan berkaitan urus niaga perdagangan elektronik.

Dalam usaha menangani isu penipuan penjualan sama ada perniagaan secara fizikal atau melibatkan transaksi atas talian, Kementerian mewajibkan semua peniaga yang menjalankan perniagaan untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Seksyen 2, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197). Kawal selia ini turut dilaksanakan berdasarkan peruntukan perundangan yang sedang dikuatkuasakan, antaranya adalah seperti berikut:

i. Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599)

Digunakan bagi menangani perbuatan pengiklan atau peniaga yang membuat dakwaan palsu atau tidak tepat, termasuk dalam iklan digital. Melibatkan peruntukan di bawah:

• Seksyen 10: Representasi palsu atau mengelirukan
• Seksyen 12: Gambaran yang mengelirukan mengenai harga
• Seksyen 13: Pengiklanan Umpanan
• Seksyen 145 - Hukuman:

Individu: Didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kali kedua/berikutnya, denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Syarikat / Pertubuhan: Didenda tidak melebihi RM100,000, dan bagi kesalahan kali kedua/berikutnya didenda tidak melebihi RM200,000.

ii. Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730)

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Digunakan ke atas dakwaan palsu berkaitan kualiti, standard, keaslian barangan, serta penggunaan logo/pensijilan palsu yang sering digunakan termasuk melalui iklan. Melibatkan peruntukan di bawah:

• Seksyen 14: Petunjuk palsu atau mengelirukan tentang harga barang-barang
• Seksyen 16: Representasi Palsu tentang pembekalan atau kelulusan barang-barang atau perkhidmatan
• Seksyen 17: Pernyataan palsu atau yang mengelirukan tentang perkhidmatan, dsb.
• Seksyen 18: Pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam iklan
• Seksyen 20: Pernyataan palsu atau yang mengelirukan berhubung dengan peraduan, permainan, dsb.
• Seksyen 21 - Hukuman:

Individu: Didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua/berikutnya, denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Syarikat / Pertubuhan: Didenda tidak melebihi RM500,000, dan bagi kesalahan kedua/berikutnya, didenda tidak melebihi RM1,000,000.

Kementerian juga sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan pengguna dilengkapkan dengan maklumat dan pengetahuan semasa melakukan pembelian untuk mengelakkan ditipu oleh peniaga yang tidak beretika. Langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan pengguna dilindungi adalah seperti berikut:

• Menjalankan pemeriksaan di premis pengendali pasar dalam talian bagi meningkatkan pematuhan peniaga pasar dalam talian ke atas perundangan dan peraturan yang dikuatkuasa oleh kementerian;

• Melaksanakan pelbagai sesi libat urus dan program kesedaran pengguna bersama dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti FOMCA bagi meningkatkan kesedaran ke atas perundangan dan peraturan yang dikawal selia oleh kementerian untuk memberikan pendedahan kepada pengguna mengenai hak-hak mereka semasa membuat pembelian barang/ mendapatkan perkhidmatan atas talian;

• Bekerjasama dengan pengendali tapak pasar dalam talian untuk memberikan pemakluman atau notis amaran di dalam tapak pasar mereka untuk memperingatkan pengguna supaya berhati-hati semasa menjalankan pembelian pasar dalam talian;

• Menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menghalang akses laman web (Access Block) atau penurunan kandungan (contents removal) menggunakan peruntukan seksyen 263(2) Akta Komunikasi & Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi mana-mana sesawang perniagaan yang tidak beretika; dan

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

• Bekerjasama dengan Pembekal Internet (ISP) dan Syarikat Telekomunikasi (Telcos) bagi mendapatkan maklumat pemilik laman sesawang atau pemilik talian komunikasi yang terlibat dengan penipuan pasar dalam talian.

Selain tindakan penguatkuasaan, Kerajaan menyediakan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) sebagai saluran alternatif kepada mahkamah sivil untuk pengguna mendapatkan tebus rugi secara mudah, cepat dan berkos rendah. TTPM mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan pengguna sehingga RM50,000 dan tuntutan tersebut hendaklah terakru dalam tempoh tiga tahun. Pengguna boleh mengemukakan tuntutan berhubung pembelian barang atau perkhidmatan yang termasuk dalam bidang kuasa Tribunal, tertakluk kepada batasan yang ditetapkan di bawah Akta 599.

STATISTIK ADUAN TRANSAKSI DALAM TALIAN DAN NILAI KERUGIAN (01/01/2026 - 31/10/2026)

(A) LAPORAN ADUAN MENGHASILKAN KES (NEGERI JOHOR)
Kategori: Transaksi Dalam Talian | Akta: SEMUA | Jenis Kesalahan: SEMUA | Bahagian: Gerakan Kepenggunaan & Penguatkuasa

Bil.	Nama Cawangan	Jumlah Aduan Diterima	Aduan Menghasilkan Kes	Aduan Tidak Menghasilkan Kes
1	JOHOR BAHRU	784	1	783
2	BATU PAHAT	138	1	137
3	MUAR	114	0	114
4	KLUANG	79	0	79
5	SEGAMAT	52	0	52
6	KOTA TINGGI	46	0	46
7	PONTIAN	30	0	30
8	MERSING	14	0	14
-	JUMLAH ADUAN	1,257	2	1,255

- Jumlah Kes yang Diselesaikan: 2 kes berjaya menghasilkan tindakan kes penguatkuasaan penuh (1 kes di Johor Bahru dan 1 kes di Batu Pahat), manakala baki 1,255 aduan dikategorikan sebagai aduan yang tidak menghasilkan kes (diselesaikan melalui rundingan, tiada kes asas, atau disalurkan ke agensi lain).

(B) LAPORAN ADUAN MENGIKUT JUMLAH KERUGIAN & KATEGORI (NEGERI JOHOR)

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Cawangan: Batu Pahat, Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi, Mersing, Muar, Pontian, Segamat

Bil.	Kategori Aduan	JOHOR (RM)	JUMLAH (RM)
1	Perkhidmatan Mengelirukan	2,537,991.91	2,537,991.91
2	Transaksi Dalam Talian	1,637,555.83	1,637,555.83
3	Iklan Mengelirukan	350,934.90	350,934.90
4	Penipuan Atas Talian (e-Dagang)	0.00	0.00
-	JUMLAH KESELURUHAN KERUGIAN	4,526,482.64	4,526,482.64

KPDN menggalakkan pengguna yang menjadi mangsa atau mempunyai maklumat berkaitan salah laku peniaga supaya segera membuat aduan melalui saluran rasmi KPDN. Antara saluran yang disediakan ialah:

• Portal e-Aduan KPDN: https://eaduan.kpdn.gov.my
• WhatsApp KPDN: 019-848 8000
• Pusat Panggilan KPDN: 1-800-886-800
• Aplikasi Ez ADU KPDN

KPDN komited memastikan hak pengguna terus dilindungi melalui penguatkuasaan undang-undang, tindakan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan dan penyediaan saluran mendapatkan tebus rugi. Pada masa yang sama, pengguna perlu lebih berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan tawaran yang tidak munasabah ketika menjalankan urus niaga dalam talian.
Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB DR. MASZLEE BIN MALIK (PUTERI WANGSA)
SOALAN 19 (A58)

Berhubung isu kepadatan murid di Sekolah-sekolah Agama Negeri Johor dan juga kekurangan tenaga pengajar, minta dikongsikan data murid per-kelas dan bilangan guru berbanding murid di seluruh Johor, dan apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasinya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan semasa berkaitan enrolmen murid, bilangan tenaga pengajar, serta nisbah di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) di seluruh negeri adalah seperti berikut:

1. **Statistik Enrolmen dan Tenaga Pengajar**: SAKJ kini menampung enrolmen keseluruhan seramai 202,431 orang murid (Tahap 1: 107,738 orang dan Tahap 2: 94,693 orang). Operasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dibantu oleh barisan pendidik berdedikasi seramai 5,034 orang, merangkumi 2,995 orang guru SAKJ lantikan negeri (Skim Gred DG) dan 2,039 orang guru KAFA.

2. **Sistem Sesi Persekolahan**: SAKJ mengamalkan sistem dua sesi bagi mengoptimumkan ruang guna sama premis: * Sesi 1 (Tahap 1 - Darjah 1, 2, dan 3): Jam 2.00 petang hingga 3.30 petang. * Sesi 2 (Tahap 2 - Darjah 4, 5, dan 6): Jam 3.30 petang hingga 6.30 petang. * Secara purata keseluruhan negeri, nisbah guru kepada murid berada pada tahap yang memuaskan iaitu 1:21 bagi Tahap 1 dan 1:19 bagi Tahap 2.*

DATA NISBAH GURU, MURID DAN KELAS MENGIKUT DAERAH
SEPTEMBER 2026

BIL	DAERAH	JUMLAH SEKOLAH	GURU	MURID			KELAS	NISBAH MURID:1 GURU		NISBAH MURID: 1 KELAS	
				TAHAP 1	TAHAP 2	JUMLAH		MURID T1	MURID T2	MURID T1	MURID T2
1	BATU PAHAT	106	721	12,606	11,671	24,277	563	17	16	22	21
2	JOHOR BAHRU	96	1,365	40,366	33,659	74,025	1,046	30	25	39	32
3	KLUANG	48	450	8,897	7,924	16,821	383	20	18	23	21
4	KOTA TINGGI	72	481	10,345	9,484	19,829	424	22	20	24	22
5	KULAI	27	374	9,731	8,584	18,315	327	26	23	30	26
6	MERSING	31	226	3,182	2,856	6,038	164	14	13	19	17
7	MUAR	55	426	6,958	6,315	13,273	351	16	15	20	18
8	PONTIAN	54	380	6,318	5,632	11,950	322	17	15	20	17
9	SEGAMAT	55	367	5,484	4,941	10,425	290	15	13	19	17
10	TANGKAK	39	244	3,851	3,627	7,478	207	16	15	19	18
JUMLAH		583	5,034	107,738	94,693	202,431	4,077	21	19	26	23

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Namun demikian, Kerajaan Negeri amat maklum akan kekangan di kawasan tumpuan baharu (hotspot) akibat pertumbuhan populasi pesat, seperti berikut:

Contohnya:



BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH	GRED	DUN	JENIS BAGUNAN	BILANGAN MURID JUM MURID (1-6)	JUM KELAS	JUM GURU	JUM MURID T1	NISBAH T1	JUM MURID T2	NISBAH T2
1	JOHOR BAHRU	SA KEMPAS BARU	A	KEMPAS	SENDIRI	1684	15	24	914	**38.1**	770	**32.1**
2	JOHOR BAHRU	SA TAMAN DAYA	A	PUTERI WANGSA	SENDIRI	2342	32	34	1281	**37.7**	1061	**31.2**
3	JOHOR BAHRU	SA TAMAN KOTA MASAI	A	TIRAM	SENDIRI	3804	37	56	2003	**35.8**	1801	**32.2**
4	JOHOR BAHRU	SA TAMAN PASIR PUTIH	A	TIRAM	SENDIRI	1735	13	26	926	**35.6**	809	**31.1**
5	JOHOR BAHRU	SA TAMAN SCIENTEX	A	PERMAS	SENDIRI	3016	19	39	1526	**39.1**	1490	**38.2**
6	JOHOR BAHRU	SA BANDAR BARU UDA	A	LARKIN	SENDIRI	2320	24	33	1325	**40.2**	995	**30.2**
7	KOTA TINGGI	SA BANDAR PENAWAR	A	PENAWAR	SENDIRI	1864	17	25	1012	**40.5**	852	**34.1**
8	KULAI	SA KANGKAR PULAI	A	KOTA ISKANDAR	SENDIRI	1594	14	21	900	**42.9**	694	**33.0**

i. SA Taman Kota Masai. Di sekolah berkenaan, jumlah guru seramai 56 orang menampung seramai 2,003 murid Tahap 1 dan 1,801 murid Tahap 2, menjadikan nisbah guru kepada murid masing-masing pada kadar 1:36 (Tahap 1) dan 1:32 (Tahap 2).

ii. SA Taman Daya di DUN Puteri Wangsa: Guru seramai 34 orang dan jumlah murid tahap 1 seramai 1281 orang dan murid tahap 2 seramai 1061 menjadikan nisbah seorang guru kepada murid mengikut tahap adalah pada kadar 1:38 (tahap 1) dan 1:31 (tahap 2).

Langkah Strategik Kerajaan Negeri Mengatasi Isu Kepadatan dan Kekurangan Guru:

Bagi mendepani cabaran kepadatan murid di Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) yang ketara di kawasan bandar dan berpenduduk padat—seperti contoh di SA Taman Kota Masai dan SA Taman Daya (DUN Puteri Wangsa) yang mencatatkan nisbah guru kepada murid mencecah sehingga 1:38—Kerajaan Negeri melalui JAINJ merangka beberapa Langkah Strategik Intervensi yang komprehensif dan pragmatic:

1. **Memperkasa dan Menyelaras Semula Kaedah "Zoning" Murid (Pengagihan Zon SAKJ)**

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Melaksanakan penguatkuasaan ketat terhadap had kapasiti bilik darjah sedia ada bagi mengelakkan kesesakan melampau di sesebuah sekolah, di samping mengarahkan pendaftaran murid baru berpandukan zon tempat tinggal yang berhampiran. Membuka laluan pendaftaran alternatif ke sekolah-sekolah berhampiran yang mempunyai kadar enrolmen lebih rendah (kapasiti belum penuh) melalui penyelarasan sistem pendaftaran secara berpusat, sekali gus mengimbangi taburan bilangan murid secara menyeluruh dalam sesuatu kawasan.

2. Perkongsian Pintar Sekolah Gunasama dengan Sekolah Kebangsaan (SK)

Penggunaan Fasiliti Aliran Perdana: Mengoptimumkan penggunaan bangunan bilik darjah Sekolah Kebangsaan (SK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada sesi petang atau hujung minggu menerusi perjanjian persefahaman (MoU) dan mekanisme perkongsian pintar rasmi. Ini membolehkan cawangan baharu atau kelas tambahan SAKJ dibuka tanpa perlu menanggung kos pembinaan infrastruktur baharu yang tinggi. Kerjasama Pengurusan Fasiliti Bersama: Menyelaras aspek penyelenggaraan, keselamatan, dan utiliti secara bersama antara JAINJ dan pihak pentadbiran sekolah KPM bagi memastikan kelancaran operasi pembelajaran sebelah petang di premis yang dikongsi.

3. Penambahan dan Optimalisasi Tenaga Pengajar secara Berfasa

Penyusunan Semula Penempatan Guru: Menggembleng tenaga guru SAKJ dan KAFA secara strategik, memberi keutamaan penempatan kepada SAKJ yang mencatatkan nisbah murid melebihi 1:35 bagi memastikan kualiti kawalan kelas dan keberkesanan pengajaran tidak terjejas.

Langkah-langkah strategik ini diyakini mampu meredakan tekanan fizikal dan nisbah pengajaran di SAKJ yang berdepan lonjakan demografi, demi memastikan kebajikan serta mutu pencapaian murid Bangsa Johor terus terpelihara. Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN CHUA JIAN BOON (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 20 (A166)

Apakah mekanisme pemantauan paras empangan dan sumber air mentah di Johor, serta apakah tindakan yang akan dilaksanakan sekiranya paras air menghampiri tahap kritikal?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. HAJI MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pemantauan paras empangan dan sumber air mentah di Negeri Johor dilaksanakan setiap hari secara bersepadu oleh Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Ranhill SAJ.

Pemantauan ini menggunakan **sistem telemetri hidrologi yang membolehkan bacaan paras air diperoleh secara masa nyata**, selain pemantauan harian di empangan, sungai dan muka sauk Loji Rawatan Air (LRA).

Bacaan paras air dinilai berdasarkan empat kategori yang ditetapkan, iaitu **normal, amaran, kritikal dan minimum**. Melalui pemantauan ini, agensi dapat mengenal pasti trend penyusutan paras air lebih awal dan mengambil tindakan sebelum keadaan menjejaskan operasi bekalan air.

Sekiranya paras air menunjukkan trend penurunan dan menghampiri tahap kritikal, Kerajaan Negeri akan meningkatkan kekerapan pemantauan, menilai tempoh ketahanan sumber air berdasarkan kadar penggunaan semasa serta mengaktifkan pelan mitigasi mengikut keperluan.

Antara langkah mitigasi yang telah dikenal pasti termasuk:

Pertama, pengaktifan skim pemindahan air mentah bagi menambah bekalan ke empangan dan LRA yang berisiko, melibatkan empat skim utama:

i. Skim Pemindahan Air Mentah Layang – **300 juta liter sehari (JLH)** dari Muka Sauk Mawai melalui Empangan Seluyut ke Empangan Upper Layang;
ii. Skim Pemindahan Air Mentah Lebam – **30 JLH** dari Empangan Seluyut ke Empangan Lebam;
iii. Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Lenggor ke Empangan Congok – **16 JLH**; dan
iv. Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Lukah ke muka sauk LRA Lok Heng – **4 JLH**.

Kedua, penggunaan sumber air alternatif daripada kolam lombong tinggal dan kolam milik persendirian. BAKAJ telah mengenal pasti **23 kolam dan lombong yang berpotensi** untuk menyokong sumber air mentah kepada 13 LRA hotspot yang berisiko mengalami kekurangan bekalan. Persampelan dan ujian kualiti air sedang dilaksanakan bagi memastikan sumber tersebut sesuai digunakan.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Ketiga, pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) melalui penyelarasan bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), sekiranya keadaan paras air memerlukan dan faktor cuaca mengizinkan.

Di samping itu, operasi empangan, sistem pengepaman dan pelepasan air turut diselaraskan bagi memastikan sumber air mentah dapat digunakan secara optimum.

Sebagai contoh tindakan yang telah dilaksanakan, susulan penyusutan paras air Empangan Machap akibat cuaca panas berpanjangan sejak Ogos 2026, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah mitigasi bagi melindungi bekalan air mentah ke LRA Simpang Renggam.

Antaranya ialah pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan pada **21 hingga 24 September 2026**, pengaktifan sistem pemindahan air mentah dari Kolam Yong dan Empangan Machap ke Ulu Sungai Benut menggunakan sistem pengepaman pontun dengan tambahan aliran sebanyak **25 hingga 30 JLH**, serta kerja menaikkan ketinggian pintu air di LRA Simpang Renggam bagi membantu mengekalkan paras air di muka sauk.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri tidak hanya menunggu sehingga paras empangan mencapai tahap kritikal, sebaliknya menggunakan data pemantauan harian untuk mengenal pasti risiko lebih awal dan menyelaraskan tindakan mitigasi mengikut keadaan semasa.

Keutamaan Kerajaan Negeri adalah memastikan sumber air mentah sentiasa mencukupi bagi menyokong operasi loji rawatan air, sekali gus mengurangkan risiko gangguan bekalan kepada rakyat, khususnya ketika menghadapi cuaca panas dan kemarau berpanjangan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 21 (A48)

Berkenaan dengan gejala jerebu baru-baru ini, adakah terdapat tanaman pertanian yang mati atau pengurangan hasil yang dilaporkan akibat jerebu yang teruk?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MD. ISRAK BIN ABDULLAH

Untuk makluman Yang Berhormat, keadaan jerebu berpotensi memberikan kesan kepada sektor pertanian, khususnya terhadap pertumbuhan dan produktiviti tanaman. Keadaan jerebu yang berpanjangan boleh mengurangkan penerimaan cahaya matahari oleh tanaman, sekali gus menjejaskan proses fotosintesis dan pertumbuhan tanaman.

Antara kesan yang berpotensi berlaku akibat jerebu adalah pertumbuhan tanaman terbantut, kelewatan proses pembungaan dan pembentukan buah, penurunan kualiti hasil serta pengurangan produktiviti tanaman. Walau bagaimanapun, tahap kesan adalah bergantung kepada tempoh pendedahan kepada jerebu, kepekatan bahan pencemar, jenis tanaman dan peringkat pertumbuhan tanaman.

Namun demikian, berdasarkan pemantauan dan maklum balas Pejabat Pertanian Daerah di seluruh Negeri Johor, sehingga kini Jabatan Pertanian Negeri Johor tidak menerima sebarang aduan atau laporan berhubung kejadian tanaman mati, kerosakan tanaman mahupun pengurangan hasil pengeluaran yang dikenal pasti berpunca daripada keadaan jerebu.

Jabatan juga akan terus memberikan khidmat nasihat teknikal kepada petani berkaitan amalan pengurusan tanaman yang bersesuaian, termasuk pengurusan pengairan, pembajaan dan penjagaan tanaman bagi memastikan pertumbuhan tanaman berada pada tahap optimum.

Walaupun jerebu berpotensi menjejaskan pertumbuhan dan produktiviti tanaman, setakat ini belum terdapat sebarang aduan atau laporan tanaman terjejas akibat jerebu yang diterima oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor. Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan pengeluaran tanaman makanan dan kestabilan bekalan makanan di Negeri Johor.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN IR. TS. IS. GS. BR. PMR. QPR. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 22 (A65)

Peningkatan kes jenayah remaja bawah umur seolah-olah menjadi trend kepada golongan Gen Z. Ianya menimbulkan kebimbangan, kegusaran masyarakat awam. Apakah program diperingkat sekolah rendah, menengah yang telah dirancang bagi membina sahsiah terpuji, pembentukan akhlak kepada golongan ini?

YB TUAN IR. TS. IS. GS. BR. PMR. QPR. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 23 (A67)

Adakah Jabatan Pendidikan Negeri Johor mempunyai data berapa ramai pelajar sekolah menengah/rendah di Johor yang ditangkap memiliki atau mengisap vape di dalam kawasan sekolah pada tahun 2025, 2026 dan apakah tindakan pemulihan bukan sekadar buang sekolah?

JAWAPAN YB DR. MUHAMMAD NAQIB BIN MD. GHAZALI

Kerajaan Negeri bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) memperkukuh pembentukan sahsiah melalui **Karakter Murid Johor (KrMJ)**. Apabila KrMJ 2.0 diperkenalkan pada April 2024, program ini melibatkan **1,193 sekolah** dan merangkumi **10 modul**, termasuk adab dan kerohanian, gaya hidup sihat dan kepimpinan. Di sekolah rendah, tumpuan diberikan kepada adab, empati dan disiplin kendiri. Di sekolah menengah, tumpuan diperluas kepada pengurusan emosi, integriti, kepimpinan dan kemahiran membuat keputusan.

Melalui **Kempen Sekolah Selamat Negeri Johor**, pendidikan pencegahan jenayah diperkukuh melalui Kelab Pencegahan Jenayah, Duta Sahsiah serta kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia melalui Pegawai Perhubungan Sekolah dan Agensi Antidadah Kebangsaan. Pembimbing Rakan Sebaya, Johor Student Leaders Council dan Student Leaders Board pula membimbing murid untuk menyokong rakan dan merujuk tanda awal salah laku kepada guru atau kaunselor. Melalui **ARMOR Disiplin**, sekolah menyediakan intervensi awal dan melibatkan ibu bapa apabila murid memerlukan bantuan.

Bagi pemilikan atau penggunaan vape, **Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM)** merekodkan bilangan murid yang terlibat di kawasan sekolah, termasuk asrama, seperti berikut:

Tempoh rekod	**Sekolah rendah**	**Sekolah menengah**	**Jumlah murid**
Sepanjang 2025	33	514	**547**
Januari hingga September 2026	39	1,458	**1,497**

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Pada 2025, bilangan tertinggi di sekolah menengah melibatkan **Tingkatan 3 (132 murid)**, diikuti Tingkatan 2 (120) dan Tingkatan 4 (107). Bagi Januari hingga September 2026, bilangan tertinggi melibatkan **Tingkatan 2 (336 murid)**, diikuti Tingkatan 3 (319), Tingkatan 4 (291) dan Tingkatan 5 (279). Di sekolah rendah, **Tahun 6** mencatat bilangan tertinggi dalam kedua-dua tempoh, iaitu **27 murid pada 2025** dan **24 murid sehingga September 2026**.

Bagi **pemulihan**, Guru Bimbingan dan Kaunseling bersama guru disiplin menjalankan sesi individu atau kelompok mengikut keperluan murid. Sesi ini memberi tumpuan kepada bahaya vape, kawalan kendiri, pengurusan emosi dan cara menolak tekanan rakan sebaya. Sekolah turut memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga dan menetapkan tindakan susulan supaya perubahan tingkah laku murid dapat dipantau di sekolah dan di rumah.

Murid yang menunjukkan tanda **kebergantungan kepada nikotin** boleh dirujuk kepada perkhidmatan kesihatan untuk penilaian dan intervensi lanjut. Kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia turut melibatkan **IMFree** bagi pendidikan pencegahan di sekolah rendah dan **Program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (KOTAK)** bagi pengesanan awal dan intervensi. Sekolah juga menjalankan **Program Lima Minit Antirokok/Vape** melalui perhimpunan, bimbingan kelompok dan aktiviti sekolah.

Tindakan disiplin mengambil kira jenis dan tahap kesalahan, rekod murid serta peraturan KPM. Antara tindakan yang boleh diambil ialah amaran, pemakluman kepada ibu bapa, aku janji dan pemantauan. **Penggantungan atau buang sekolah hanya dipertimbangkan sebagai langkah terakhir** bagi kesalahan berulang atau serius, mengikut tatacara KPM serta setelah mengambil kira kebajikan dan keperluan pemulihan murid.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 24 (A91)

Apakah perancangan dan garis masa kerajaan negeri untuk memperluaskan pelaksanaan Sistem Pengurusan Aduan Johor (MyAduan Johor) kepada kesemua 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor, dan apakah status terkini pelaksanaannya di setiap PBT?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bentayan atas pertanyaan tersebut.

Kerajaan Negeri Johor komited memperluaskan **Sistem Pengurusan Aduan Johor (MyAduan Johor) kepada kesemua 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** secara berperingkat. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan sistem pengurusan aduan yang bersepadu, mempercepat tindakan penyelesaian serta memperkukuh pemantauan dan akauntabiliti PBT.

Bagi Kerajaan Negeri, setiap aduan rakyat bukan sekadar laporan, tetapi amanah yang mesti dijawab dengan tindakan.

Pelaksanaan MyAduan Johor bermula di **Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada Ogos 2025** sebagai projek perintis, sebelum diperluaskan kepada **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) mulai April 2026**.

Pada peringkat awal, sistem ini melibatkan **enam kategori aduan utama**, iaitu jalan dan perabot jalan, lampu dan lampu isyarat, sampah dan kebersihan awam, saliran dan perparitan, pokok dan landskap serta kacau ganggu haiwan.

Sehingga 3 November 2026, sebanyak 25,755 aduan telah diterima di kawasan MBJB dengan kadar penyelesaian 81 peratus, manakala baki aduan masih dalam tindakan. Sistem ini turut diperluaskan kepada **24 orang Ahli Majlis di setiap PBT yang terlibat** bagi memperkukuh pemantauan dan penyelarasan aduan mengikut zon.

Bagi peluasan ke baki PBT yang lain, Kerajaan Negeri telah menetapkan pelaksanaan secara berfasa seperti berikut:

PERTAMA — PBT ZON TENGAH
Sesi percubaan atau *Dry Run* dijadualkan pada **suku kedua (Q2) 2027**, diikuti pelancaran rasmi pada **suku ketiga (Q3) 2027**.

KEDUA — PBT ZON UTARA DAN KAWASAN LAIN
Sesi percubaan dijangka pada **suku keempat (Q4) 2027**, manakala pelancaran rasmi disasarkan pada **suku pertama (Q1) 2028**.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Pelaksanaan berfasa ini mengambil kira kesiapsiagaan sistem, penyelarasan prosedur kerja, latihan pengguna serta integrasi saluran aduan sedia ada supaya setiap PBT benar-benar bersedia memberikan perkhidmatan yang berkesan.

Selaras dengan agenda Maju Johor di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi, Kerajaan Negeri mahu kesemua **16 PBT mempunyai sistem pengurusan aduan yang seragam, cekap dan mudah dipantau**.

Kita mempunyai 16 PBT dengan cabaran yang berbeza, tetapi tanggungjawab kita tetap sama, iaitu memastikan masalah rakyat diberikan perhatian dan tindakan sewajarnya.

Saya ingin tegaskan, kejayaan MyAduan Johor bukan diukur pada kecanggihan teknologi atau jumlah aduan yang diterima, tetapi pada masalah rakyat yang benar-benar berjaya diselesaikan.

Aduan mesti direkodkan, tindakan mesti dipantau dan penyelesaian mesti dapat dirasai oleh rakyat. Inilah komitmen Kerajaan Negeri untuk memperkukuh kecekapan perkhidmatan PBT demi kesejahteraan Bangsa Johor.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (KEMELAH)
SOALAN 25 (A196)

Berapakah bilangan peserta dan lokasi latihan program pembangunan bakat sukan permotoran bersama JDT Racing dan motocross, sama ada program ini dijadikan saluran alternatif bagi menangani isu lumba haram dalam kalangan belia? Apakah rancangan membawa program ini ke daerah Segamat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Kerajaan Negeri Johor melalui Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Sukan, Belia dan Sukarelawan) sentiasa komited dalam memperkasa pembangunan sukan permotoran sebagai salah satu platform pembangunan potensi dan bakat anak muda di Negeri Johor.

Bagi Program Pembangunan Bakat Sukan Permotoran melalui kolaborasi bersama JDT Racing, program ini memberi tumpuan kepada pencarian, pengenalpastian dan pembangunan bakat baharu dalam sukan permotoran, khususnya bagi menyediakan laluan kepada anak muda yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat pertandingan kompetitif. Sebagai hasil daripada inisiatif pembangunan bakat ini, JDT Racing telah mewujudkan JDT Racing Academy dan akan menghantar seramai dua (2) orang pelumba untuk menyertai perlumbaan Cub Prix yang dijadualkan berlangsung di Medini pada 21 dan 22 November 2026.

Manakala bagi Program Pembangunan Bakat Sukan Motocross, pelaksanaan program telah melibatkan penyertaan seramai 403 orang peserta, dengan pecahan seperti berikut:

i. Litar Motocross Ayer Hitam: 191 orang peserta; dan
ii. Litar Motocross Bandar Tenggara: 212 orang peserta.

Selain berperanan sebagai platform pembangunan bakat sukan, Kerajaan Negeri turut melihat inisiatif ini sebagai salah satu pendekatan alternatif dalam menangani isu lumba haram dalam kalangan belia. Melalui penyediaan platform sukan permotoran yang sah, terkawal dan menitikberatkan aspek keselamatan, minat serta kecenderungan anak muda terhadap aktiviti permotoran dapat disalurkan kepada aktiviti yang lebih positif, berdisiplin dan berstruktur.

Bagi cadangan peluasan program ke Daerah Segamat, Kerajaan Negeri pada prinsipnya mengalu-alukan penglibatan daerah berkenaan dalam inisiatif ini. Sehubungan itu, JDT Racing boleh mempertimbangkan penganjuran klinik sukan permotoran di institusi pengajian tinggi sekitar Daerah Segamat sebagai platform untuk memberi pendedahan, menarik minat serta mencungkil bakat baharu dalam kalangan golongan belia dan pelajar terhadap sukan permotoran. Pelaksanaan ini boleh diperluas melalui kerjasama strategik antara JDT Racing, pihak institusi pengajian tinggi dan komuniti permotoran setempat.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Pelaksanaan di daerah Segamat diharap dapat membuka peluang kepada lebih ramai anak muda, khususnya di kawasan luar bandar, untuk mendapatkan pendedahan dan menyertai program pembangunan bakat sukan permotoran secara lebih tersusun, sekali gus memperluas akses pembangunan sukan permotoran ke seluruh daerah di Negeri Johor.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN SULEIMAN (TIRAM)
SOALAN 26 (A107)

Apakah perancangan kerajaan negeri bagi naiktaraf jalan Bandar Tiram - Felda Sungai Tiram dari 2 lorong kepada 4 lorong serta naiktaraf infrastruktur dan utiliti seperti TNB dan paip-paip yang seiring terganggu.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. HAJI MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Berhubung cadangan menaik taraf Jalan Bandar Tiram ke FELDA Sungai Tiram daripada dua kepada empat lorong, Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap keperluan meningkatkan kapasiti jalan serta memastikan infrastruktur utiliti seperti bekalan elektrik dan sistem perpaipan turut diselaraskan dengan perancangan pembangunan di kawasan berkenaan.

Bagi aspek bekalan air, Ranhill SAJ sedang merancang projek menaik taraf sistem bekalan air di kawasan Sungai Tiram melibatkan peruntukan sebanyak RM100 juta. Projek ini kini berada pada peringkat pelantikan perunding bagi menyediakan kajian dan reka bentuk yang bersesuaian dengan keperluan semasa serta pembangunan masa hadapan.

Antara skop yang sedang dipertimbangkan ialah penyaluran bekalan air terawat tambahan daripada LRA Pakej Sultan Iskandar, pembinaan tangki simpanan dan stesen pengepaman baharu serta naik taraf sistem perpaipan sedia ada. Langkah ini bertujuan meningkatkan kapasiti bekalan, menstabilkan tekanan air dan memperkukuh sistem agihan kepada penduduk Sungai Tiram.

Bagi infrastruktur elektrik pula, Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menyelaras keperluan pengalihan pepasangan elektrik bersama pihak berkuasa, pemaju dan kontraktor yang terlibat dalam pelaksanaan kerja jalan.

Antara langkah keselamatan yang diberi perhatian ialah pelaksanaan pemetaan dan pengesanan utiliti bawah tanah (*Utility Detection Mapping*) sebelum kerja pengorekan, selain pemantauan bersama pasukan teknikal TNB di tapak bagi mengelakkan kerosakan kabel dan gangguan bekalan kepada pengguna.

TNB turut menegaskan bahawa mana-mana pihak yang menyebabkan kerosakan pepasangan elektrik akibat kerja pengorekan boleh dikenakan tindakan mengikut peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990.

Kerajaan Negeri memberi perhatian supaya perancangan menaik taraf jalan dan infrastruktur utiliti dilaksanakan secara terselaras. Penyelarasan awal antara agensi jalan, Ranhill SAJ dan TNB penting bagi mengelakkan pertindihan kerja, mengurangkan risiko kerosakan utiliti serta meminimumkan gangguan kepada penduduk sepanjang tempoh pelaksanaan.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Matlamat kita bukan sekadar meningkatkan kapasiti jalan, tetapi memastikan kemudahan bekalan air dan elektrik turut diperkukuh seiring dengan pembangunan kawasan Bandar Tiram dan FELDA Sungai Tiram.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN MOHD YOUZAIMI BIN HAJI YUSOF (TENGGAROH)
SOALAN 27 (A22)

Apakah status terkini pemilikan tanah, pengurusan dan penyelenggaraan Projek Sentuhan Kasih FELDA Tenggaroh 3 yang didapati tidak mempunyai pengurusan sistematik serta tiada penyelenggaran fasiliti projek sentuhan kasih, serta rumah petugas dan peserta yang tidak berpenghuni, usang dan terbiar?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MD. ISRAK BIN ABDULLAH

Jabatan Pembangunan Ekonomi Komuniti (JPEK) FELDA telah memperoleh kelulusan Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 437 (Kali Ke-8/2022) bertarikh 25 Ogos 2022 (Khamis) berhubung cadangan Pelaksanaan Pelan Kemampanan Projek Sentuhan Kasih FELDA (SKF) Tenggaroh 3.

Sehubungan itu, butiran ketetapan serta pembahagian seliaan dan tanggungjawab bagi gerak kerja terkini Pelan Kemampanan Projek SKF Tenggaroh 03 adalah seperti berikut:

Bil	Perkara Yang Dipersetujui	Serahan Seliaan dan Tanggungjawab	Skop Kerja	Status Terkini
A. Peserta: Perjanjian sedia ada di antara Peserta dan FELDA ditamatkan dan digantikan dengan *Settlement Agreement*				
1.	Peserta menerima hak milik rumah berserta hak milik tanah	Urusan pemilikan hak milik rumah dan tanah diselaraskan oleh Jabatan Pengurusan Tanah FELDA sebelum diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Aset FELDA bagi tindakan selanjutnya.	Permohonan penyerahan sistem retikulasi air dan pengasingan meter air individu kepada pihak Syarikat Air Johor (SAJ) bagi projek SKF Tenggaroh 03	Status tanah: Tiada hak milik Gerak kerja dan tadbir urus di peringkat Ibu Pejabat
2.	Peserta dimudahcara untuk berkerja dengan lain- lain syarikat.	Hal ehwal peserta diserahkan kepada Jabatan Pembangunan Komuniti dan Generasi FELDA, dengan pemantauan di bawah Rancangan FELDA Tenggaroh 03.	i. Pinjaman perumahan dihentikan; ii. Elaun peserta diberhentikan; dan iii. Peserta diberi peluang untuk terlibat dengan pelaksanaan projek pertanian/ternakan di bawah Program	Peserta tidak terikat dengan perjanjian asal projek SKF. Namun begitu, semua peserta hendaklah mematuhi pengurusan/pentadbiran komuniti (penduduk)

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Bil	Perkara Yang Dipersetujui	Serahan Seliaan dan Tanggungjawab	Skop Kerja	Status Terkini
			Pembangunan Peneroka (PPP).	Rancangan FELDA Tenggaroh 03 bagi mengelakkan risiko pencerobohan
B. Aset dan Hartanah				
3.	Lot pertanian/ ternakan dan bangunan awam dikekalkan di bawah penyeliaan projek.	i. Bangunan Awam: Milik FELDA. Diserahkan kepada Jabatan Pembangunan Komuniti dan Generasi FELDA, dengan pemantauan di bawah Rancangan FELDA Tenggaroh 03. ii. Komponen Pertanian: Diselia dan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pembangunan Ekonomi Komuniti FELDA	i. Lokasi projek SKF Tenggaroh 3 terletak dalam kawasan Rancangan FELDA Tenggaroh 3 ii. Bangunan Awam yang terlibat merangkumi Dewan Serbaguna, Learning Centre, Surau dan Rumah Kedai; dan iii. Komponen Pertanian merangkumi Green House dan Tangki Ikan. JPEK bertanggungjawab mengenal pasti operator luar yang berminat untuk mengusahakan komponen berkenaan, selaras dengan bidang kuasa dan tanggungjawab yang ditetapkan.	i. Pengurusan sewaan bangunan awam dan rumah kosong diurus dan dipantau oleh Pengurusan Rancangan FELDA Tenggaroh 3, setiap bulan. ii. Bagi pengurusan aset pertanian, JPEK sedang memperhalusi permohonan sewaan aset dan hartanah pertanian SKF Tenggaroh 3 oleh Syarikat Aida Group

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Bil	Perkara Yang Dipersetujui	Serahan Seliaan dan Tanggungjawab	Skop Kerja	Status Terkini
				Supply & Services. Cadangan : Permohonan pajakan dan pemulihan semula tapak pertanian terbiar SKF Tenggaroh 03 bagi mengoptimumkan aset FELDA dengan projek nurseri sawit.
4.	Lot Rumah diserah kepada Peserta	Diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Aset FELDA.	Penyerahan dilaksanakan setelah urusan pemilikan hak milik rumah dan tanah oleh Jabatan Pengurusan Tanah FELDA selesai.	Gerak kerja dan tadbir urus di peringkat Ibu Pejabat
5.	Rumah Peserta yang kosong dan tidak berpenghuni	Diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Aset FELDA.	Rumah berkenaan diuruskan bagi tujuan pengkomersialan, tertakluk kepada dasar dan kelulusan FELDA yang berkuat kuasa.	Gerak kerja dan tadbir urus di peringkat Ibu Pejabat; dan dibantu/dipantau oleh Pengurusan Rancangan FELDA Tenggaroh 3.
6.	Aset hartanah projek dan kemudahan utiliti projek – Milik FELDA	Diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Aset FELDA. Di bawah pantauan Rancangan FELDA Tenggaroh 3.	Jabatan Pengurusan Aset bertanggungjawab mengurus dan menyelaras kerja-kerja pengurusan, pembaikan serta penyelenggaraan aset	Pengurusan aset dan hartanah diurus dan dipantau oleh Jabatan Pengurusan Aset FELDA, dan

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Bil	Perkara Yang Dipersetujui	Serahan Seliaan dan Tanggungjawab	Skop Kerja	Status Terkini
			hartanah dan kemudahan utiliti projek, termasuk: i. Pengurusan, pembaikan dan penyelenggaraan aset hartanah serta bangunan projek; ii. Pembaikan dan penyelenggaraan sistem utiliti, termasuk bekalan air dan paip, bekalan elektrik, pembetungan serta saliran; dan iii. Penyelenggaraan kemudahan mekanikal dan elektrikal (M&E) serta infrastruktur sokongan projek.	dibantu/dipantau oleh Pengurusan Rancangan FELDA Tenggaroh 3. Kontrak kerja pembersihan dan penyelenggaraan di bawah pengurusan Rancangan FELDA Tenggaroh 03 dan Wilayah Johor Bahru. Status semasa: Kelulusan kontrak kerja perolehan di peringkat Wilayah dan kerja- kerja pembersihan & penyelenggaraan akan bermula pada Disember 2026.
7.	Pengurusan Projek SKF tidak lagi bertanggungjawab terhadap perkara- perkara yang dinyatakan di dalam perjanjian termasuk kebajikan Peserta, selaras dengan pelaksanaan pelan kemampanan yang telah dipersetujui.	Status dan penempatan kakitangan Projek SKF Tenggaroh 03 adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab Jabatan Pengurusan Modal Insan (JPMI), Wilayah dan Rancangan.	Semua Petugas projek SKF Tenggaroh 03 telah ditukarkan penempatan berkuatkuasa pada tarikh 21 April 2025;	Nota Serah Terima Tugas telah diserahkan oleh mantan Petugas kepada Pengurusan Rancangan FELDA Tenggaroh 3 pada 15 Mei 2025 lalu.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 28 (A154)

Apakah langkah dan usaha pihak kerajaan bagi menyelesaikan masalah ketiadaan tempat pembuangan sampah di DUN Sungai Balang, khasnya di Mukim Parit Jawa dan Mukim Sungai Balang yang berlarutan sehingga kini telah menjadi rungutan pelbagai pihak?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Balang atas pertanyaan tersebut.

Kerajaan Negeri mengambil serius isu pengurusan sisa pepejal di Mukim Parit Jawa dan Mukim Sungai Balang. Kita tidak mahu masalah sampah yang berlarutan terus menjejaskan kebersihan, kesihatan dan keselesaan rakyat. Justeru, penyelesaiannya mesti dilaksanakan secara berperingkat, bukan sekadar tindakan sementara tanpa perancangan jangka panjang.

Untuk makluman Dewan, sebelum ini sisa pepejal dari kedua-dua mukim dilupuskan di Tapak Pelupusan (TP) Bukit Bakri, Muar. Namun, tapak tersebut telah mencapai jangka hayat maksimum dan ditutup pada 1 Februari 2021. Pada masa ini, sisa pepejal dari Muar dihantar ke TP Buloh Kasap, Segamat.

Bagi menangani keadaan ini, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Majlis Perbandaran Muar (MPM) telah menyelaraskan beberapa tindakan.

PERTAMA — PENUTUPAN SELAMAT TAPAK PELUPUSAN BUKIT BAKRI

Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi Projek Penutupan Selamat TP Bukit Bakri di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1), Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Kerja pra-pembangunan sedang dilaksanakan dan projek dijangka siap pada awal tahun 2029.

KEDUA — PEMBANGUNAN STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL MUAR

Sebagai penyelesaian jangka panjang sehingga tahun 2040, pembangunan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal (SP) Muar sedang dilaksanakan dan dijangka mula beroperasi pada akhir tahun 2027, dengan kapasiti 250 tan sehari. Sisa yang dikumpulkan akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sanitari (TPS) Bukit Payong.

KETIGA — PENYELARASAN PERKHIDMATAN BERSAMA PENDUDUK

Pada 31 Oktober 2026, satu sesi *Townhall* telah diadakan di Dataran Jambangan Setia, Semerah, Muar, bagi memberikan penerangan mengenai fungsi PBT, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

Hasil sesi tersebut, penduduk telah bersetuju untuk dikenakan cukai taksiran. Susulan itu, MPM bersama SWCorpsedang menyelaraskan penyediaan data serahan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di kawasan berkenaan.

KEEMPAT — PENYELESAIAN SEMENTARA MELALUI TONG RORO

Sebagai langkah segera, penyediaan satu unit tong *Roll-On Roll-Off* (RORO) sementara telah dipersetujui untuk diselaraskan oleh pihak DUN. Pemantauan akan dilaksanakan bersama penduduk setempat dan SWCorp bagi memastikan kawasan pembuangan sementara sentiasa terkawal.

Pendirian Kerajaan Negeri jelas. Rakyat tidak sepatutnya terus menanggung masalah sampah sementara menunggu projek infrastruktur jangka panjang disiapkan.

Sebab itu, tindakan sementara, penyelarasan perkhidmatan kutipan dan pembangunan kemudahan pelupusan dilaksanakan secara berperingkat agar masalah ini dapat ditangani secara lebih menyeluruh.

Matlamat kita bukan sekadar menyediakan tempat membuang sampah, tetapi memastikan pengurusan sisa pepejal yang teratur, persekitaran yang bersih dan kehidupan yang lebih selesa untuk rakyat Sungai Balang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 29 (A82)

Adakah kerajaan tidak mencadangkan pemasangan lampu jalan, lampu solar serta bina pencawang telekomunikasi di Jalan Endau Mersing - Bukit Berok (AH18) yang telah mengakibatkan kemalangan dengan keadaan cuaca hujan lebat, berselekoh, tiada signal line telco dan gelap pada waktu malam?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. HAJI MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap isu keselamatan di laluan Jalan Endau–Mersing, khususnya kawasan Bukit Berok yang dikenal pasti sebagai lokasi kerap berlaku kemalangan, selain masalah pencahayaan jalan dan liputan telekomunikasi yang dibangkitkan oleh penduduk.

Pertama, bagi aspek keselamatan jalan raya, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Mersing telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi kerja penambahbaikan kawasan kerap kemalangan (*blackspot*) di Bukit Berok di bawah Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) Tahun 2027. Permohonan ini telah dikemukakan kepada JKR Negeri Johor pada 28 September 2026.

Pada tarikh yang sama, JKR turut mengemukakan permohonan pemasangan lampu jalan kepada Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri Johor bagi meningkatkan tahap pencahayaan dan keselamatan pengguna, khususnya ketika waktu malam serta cuaca hujan.

JKR akan meneruskan pemantauan keadaan jalan di kawasan berkenaan, manakala keperluan pemasangan lampu solar boleh diteliti sebagai pilihan tambahan berdasarkan kesesuaian teknikal dan peruntukan yang tersedia.

Kedua, bagi isu liputan telekomunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah melaksanakan penambahbaikan infrastruktur komunikasi di DUN Endau.

Sehingga 30 September 2026, sebanyak 54 stesen pemancar telah dinaik taraf kepada rangkaian 4G, manakala 4,609 premis telah dilengkapi sambungan gentian optik berkeupayaan gigabit.

Bagi kawasan yang masih mengalami masalah liputan, termasuk laluan Bukit Berok, keperluan penambahbaikan boleh dinilai melalui perancangan JENDELA Fasa 2. MCMC sedang mengenal pasti kawasan yang belum mempunyai liputan memuaskan berdasarkan semakan dan aduan yang diterima.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada penyelarasan bersama MCMC dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi bagi memastikan isu liputan

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

di laluan berkenaan dapat diteliti, termasuk keperluan pembinaan infrastruktur tambahan berdasarkan hasil penilaian teknikal.

Penduduk yang menghadapi masalah liputan juga boleh menyalurkan aduan melalui portal rasmi MCMC di aduan.mcmc.gov.my atau portal JENDELA Map di jendela.my supaya lokasi yang terjejas dapat dikenal pasti dengan lebih tepat.
Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB DR. MASZLEE BIN MALIK (PUTERI WANGSA)
SOALAN 30 (A60)

Berdasarkan titah DYMM Tuanku Sultan terkait kepentingan pendidikan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Johor pada tahun 2019, apakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan DLP di semua sekolah Johor dengan kerjasama KPM seperti yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri Sarawak?

JAWAPAN YB DR. MUHAMMAD NAQIB BIN MD. GHAZALI

Kerajaan Negeri Johor sentiasa memberikan perhatian serius terhadap usaha memperkukuh penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid, selaras dengan titah dan aspirasi DYMM Sultan Johor yang menekankan kepentingan penguasaan bahasa tersebut sebagai bahasa ilmu, komunikasi antarabangsa serta persediaan generasi muda Johor untuk menghadapi cabaran pendidikan dan pasaran pekerjaan global.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Dual Language Programme* (DLP) merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Program ini memberi pilihan kepada sekolah yang memenuhi kriteria ditetapkan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik serta mata pelajaran berkaitan yang ditetapkan oleh KPM dalam Bahasa Inggeris, tanpa mengabaikan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Pada masa ini, sebanyak 56 buah sekolah di Negeri Johor telah melaksanakan DLP, melibatkan 19 buah sekolah rendah dan 37 buah sekolah menengah. Pelaksanaan ini mencerminkan usaha berterusan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) dalam menyediakan peluang kepada murid untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris melalui pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik.

Berhubung cadangan untuk memperluas pelaksanaan DLP ke semua sekolah di Negeri Johor, Kerajaan Negeri pada prinsipnya menyokong usaha peluasan program ini secara berperingkat dan terancang melalui kerjasama dengan KPM. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tidak boleh diwajibkan secara menyeluruh atau dilaksanakan secara automatik di semua sekolah kerana setiap permohonan perlu memenuhi kriteria, syarat dan tatacara yang ditetapkan oleh KPM.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 5 Tahun 2024: Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024, antara kriteria utama penyertaan sekolah adalah seperti yang berikut:

1. **Kesediaan sumber dan kemudahan sekolah**, termasuk bekalan guru yang berkeupayaan mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris serta bilik darjah atau bilik khas yang mencukupi;

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

2. **Perancangan pihak pentadbir sekolah** yang merangkumi penyediaan guru, pembangunan profesionalisme guru dan kesinambungan pelaksanaan DLP;
3. **Persetujuan bertulis ibu bapa atau penjaga** bagi penyertaan murid dalam kelas yang melaksanakan DLP; dan
4. **Pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu** yang memenuhi ketetapan KPM. Bagi sekolah jenis kebangsaan, pencapaian mata pelajaran bahasa ibunda turut diambil kira berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Selain itu, pembukaan kelas DLP hendaklah mengambil kira bilangan murid yang memohon dan kelas hanya boleh dibuka apabila terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid yang diluluskan untuk mengikuti program tersebut. Kelulusan bilangan kelas pula diberikan secara bertulis oleh JPN setelah proses verifikasi kesediaan sekolah dilaksanakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Permohonan penyertaan sekolah baharu juga perlu melalui proses semakan dan kelulusan KPM.

Dalam masa yang sama, sekolah yang melaksanakan DLP diwajibkan menyediakan sekurang-kurangnya satu kelas bagi setiap Tahun atau Tingkatan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan atau bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Ketetapan ini bertujuan memastikan peluang dan pilihan pendidikan murid yang tidak mengikuti DLP terus terpelihara.

Kerajaan Negeri juga mengambil maklum pendekatan pelaksanaan DLP di Sarawak melalui Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 7 Tahun 2019: Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) Sarawak Mulai Tahun 2020. Walau bagaimanapun, pendekatan tersebut mempunyai ketetapan khusus yang perlu dirujuk bersama garis panduan DLP KPM yang sedang berkuat kuasa. Sehubungan itu, sebarang cadangan untuk mengguna pakai pendekatan yang sama di Johor perlu dibincangkan dan mendapat pertimbangan serta persetujuan KPM.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Johor melalui JPN Johor akan terus bekerjasama dengan KPM untuk mengenal pasti sekolah-sekolah yang berpotensi dan bersedia menyertai DLP, di samping menggalakkan sekolah yang memenuhi kriteria supaya mengemukakan permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan. Usaha ini turut perlu disokong melalui pemantapan kompetensi guru, penyediaan kemudahan pembelajaran serta penglibatan ibu bapa dan komuniti.

Kerajaan Negeri Johor komited untuk terus mendukung aspirasi DYMM Sultan Johor dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan anak-anak Johor. Hasrat ini akan dilaksanakan secara terancang, inklusif dan berterusan, dengan memastikan penguasaan Bahasa Inggeris diperkukuh tanpa menjejaskan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 31 (A117)

Berapakah jumlah peruntukan disediakan bagi Program Bakul Kasih Johor dan Program Jualan Kasih Johor Sempena Deepavali seluruh Johor? Mengapakah Program Jualan Kasih DUN Senai bertarikh 1 November 2026 dipusatkan di Dewan Raya Bandar Putra, yang terletak di DUN Bukit Permai?

YB DATUK WIRA HAJI MOHD SUMALI BIN REDUAN (BENUT)
SOALAN 32 (A188)

Bagaimanakah kerajaan negeri menetapkan kuota bekalan dan mengurus kehadiran pengunjung Program Jualan Kasih Johor susulan aduan bahawa jualan Deepavali menyediakan bekalan untuk 500 pembeli tetapi menerima lebih 1,000 pengunjung pelbagai kaum sehingga mencetuskan ketidakpuasan dalam kalangan mereka yang gagal membeli?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MD. ISRAK BIN ABDULLAH
(Jawapan bersekali untuk soalan A117 & A188)

Program Jualan Kasih Johor merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat melalui penyediaan barangan keperluan asas pada harga yang berpatutan, khususnya sempena sambutan perayaan. Untuk makluman, bagi pelaksanaan Program Jualan Kasih Johor sempena Deepavali 2026, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukan sebanyak RM1.871 juta bagi pelaksanaan program di 63 lokasi.

Sehubungan itu, penetapan kuota bekalan Kombo Kasih adalah berdasarkan anggaran jumlah populasi berbangsa India di setiap lokasi yang terlibat. Pendekatan ini digunakan sebagai asas perancangan bagi menentukan kuota bekalan secara bersasar mengikut kawasan, selaras dengan objektif program untuk membantu masyarakat India menyambut perayaan Deepavali, bagi mendapatkan barangan keperluan pada harga yang lebih berpatutan. Bagi isu penyediaan bekalan untuk 500 pembeli berbanding kehadiran pengunjung yang melebihi 1,000 orang, jumlah bekalan tersebut telah dirancang berdasarkan kuota yang ditetapkan bagi program berkenaan.

Bagi pelaksanaan Program Jualan Kasih Johor di DUN Senai pada 1 November 2026, pemilihan Dewan Raya Bandar Putra dibuat berdasarkan pertimbangan kesesuaian lokasi dan keperluan operasi program, termasuk kemudahan tempat, ruang pelaksanaan, kapasiti kawasan serta aspek pengurusan pengunjung.

Walaupun dewan tersebut terletak dalam kawasan DUN Bukit Permai, pemilihan lokasi berkenaan adalah berdasarkan pertimbangan pelaksanaan program dan kemudahan untuk mengendalikan jualan dengan lebih teratur serta memberi manfaat kepada kumpulan sasaran di kawasan DUN Senai. Kehadapan ini, pentadbiran ini akan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026**

menyelaraskan perkara ini bagi memastikan pelaksanaan Jualan Kasih Johor dilangsungkan di kawasan DUN Senai, di lokasi yang bersesuaian.

Pengurusan kehadiran pengunjung juga telah dan akan sentiasa ditambah baik melalui kaedah yang lebih sistematik seperti penggunaan nombor giliran, kupon atau kaedah pendaftaran bagi mengawal aliran pengunjung dan memastikan urusan pembelian berjalan dengan lancar. Pengagihan barangan pula dilaksanakan berdasarkan kuota dan had pembelian yang telah ditetapkan supaya bekalan dapat diagihkan secara lebih teratur.

Di samping itu, penyelarasan di antara semua pihak termasuk pihak usahawan, pembekal dan agensi berkaitan akan terus diperkukuh, khususnya dari aspek penetapan kuota, pemilihan lokasi, penyediaan bekalan, hebahan maklumat serta pengurusan aliran pengunjung. Rekod kehadiran dan sambutan program terdahulu juga akan dijadikan input dalam menilai keperluan bekalan bagi pelaksanaan program akan datang, tertakluk kepada peruntukan yang disediakan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Johor akan terus memastikan pelaksanaan Program Jualan Kasih Johor berjalan dengan teratur dan mencapai matlamatnya dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat. Maklum balas dan aduan yang diterima akan dijadikan panduan untuk menambah baik aspek perancangan bekalan, penyelarasan bersama pihak pelaksana, hebahan maklumat dan pengurusan pengunjung supaya pelaksanaan program pada masa hadapan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, teratur dan berkesan.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 33 (A55)

Apakah langkah proaktif yang akan diambil oleh kerajaan pada SUKMA akan datang di negeri Kelantan berikutan keputusan pencapaian pasukan SUKMA Johor 2026 yang lalu kurang baik dan tidak capai matlamat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD HAIRI BIN MAD SHAH

Kerajaan Negeri Johor mengambil serius pencapaian kontinjen Johor pada SUKMA XXII Selangor 2026 yang menduduki tempat keenam keseluruhan dengan 36 pingat emas berbanding sasaran 45 pingat emas. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui MSNJ akan mengambil pendekatan yang lebih proaktif dan berstrategi bagi memastikan kelemahan yang dikenal pasti pada SUKMA 2026 dapat diperbaiki sebelum menghadapi SUKMA XXIII Kelantan 2028.

Antara langkah utama yang akan diambil adalah:

1. Menyusun semula sukan dan acara berpotensi pingat

MSNJ akan mengenal pasti sukan serta acara yang mempunyai potensi menyumbang pingat emas tertinggi dan memberikan tumpuan kepada program latihan yang lebih intensif. Sukan yang tidak mencapai sasaran akan diberikan pelan pemulihan prestasi atau performance improvement plan dengan sasaran pencapaian yang lebih khusus.

Sebanyak 21 pingat emas daripada 36 pingat emas yang diperolehi di SUKMA XXII Selangor 2026 hadirnya daripada atlet yang berusia 19 tahun kebawah yang mana atlet ini boleh mewakili negeri Johor di Temasya SUKMA XXIII Kelantan 2028 dan 28 pingat perak serta 27 pingat gangsa berjaya diperolehi oleh atlet yang berusia 19 tahun kebawah pada SUKMA kali ini. Oleh yang demikian, atlet-atlet yang berpotensi meraih pingat perlu diberikan perhatian khusus serta persiapan rapi bagi memastikan mereka terus berada di landasan yang tempat untuk meraih pingat emas di Temasya SUKMA XXIII Kelantan 2028.

Penyaluran bantuan dan subsidi kepada persatuan sukan akan dilaksanakan secara lebih bersasar berdasarkan potensi pingat, keperluan program latihan, pencapaian atlet serta keberkesanan penggunaan peruntukan. Setiap persatuan perlu bertanggungjawab memastikan bantuan yang diterima digunakan bagi melaksanakan program pembangunan dan persediaan atlet yang telah dipersetujui.

2. Melaksanakan program pembangunan mental toughness

Kerajaan Negeri akan memberikan perhatian khusus kepada aspek ketahanan mental atlet kerana keupayaan mengendalikan tekanan pertandingan merupakan antara elemen penting dalam menentukan prestasi ketika pertandingan sebenar. Program ini akan

melibatkan latihan psikologi sukan, simulasi pertandingan bertekanan tinggi, pengurusan emosi dan intervensi khusus kepada atlet yang menunjukkan kelemahan dari aspek kesiapsiagaan mental.

3. Memperkukuh kualiti dan kepakaran kejurulatihan

MSNJ akan meningkatkan standard kejurulatihan dengan mengutamakan pelantikan jurulatih yang mempunyai kelayakan profesional, pengalaman pertandingan dan rekod pencapaian yang bersesuaian. Bagi sukan yang dikenal pasti mempunyai potensi pingat, khidmat jurulatih pakar dan jurulatih kebangsaan akan dipertingkatkan bagi memastikan atlet menerima bimbingan dari aspek teknikal, taktikal dan strategi pertandingan yang lebih berkualiti. Penilaian keberkesanan jurulatih juga akan dilaksanakan secara berkala berdasarkan perkembangan dan pencapaian atlet.

4. Memperluas penyertaan atlet dalam kejohanan kompetitif

MSNJ akan memperluas peluang penyertaan atlet dalam kejohanan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang bersesuaian, termasuk kejohanan terbuka dan kategori senior, berdasarkan tahap prestasi serta kesediaan atlet. Memandangkan peluang kejohanan khusus mengikut kategori bawah 21 tahun adalah terhad, MSNJ akan bekerjasama dengan persatuan sukan negeri bagi mengenal pasti kejohanan alternatif yang kompetitif dan berkualiti.

Selain itu, atlet berpotensi akan diberikan keutamaan untuk menyertai kejohanan yang mempunyai tahap persaingan lebih tinggi bagi meningkatkan pengalaman, kematangan taktikal, keyakinan diri dan keupayaan mengendalikan tekanan pertandingan.

5. Melaksanakan program latihan berfasa sehingga SUKMA 2028

Persediaan kontinjen akan disusun melalui beberapa fasa:
Fasa 1 – Penilaian prestasi, pemilihan dan pengenalpastian atlet
Fasa 2 – Pembangunan fizikal, teknikal, taktikal dan mental
Fasa 3 – Latihan intensif dan penyertaan kejohanan penilaian
Fasa 4 – Persiapan akhir, simulasi pertandingan dan kemuncak prestasi

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

6. Menetapkan sasaran pingat secara realistik dan berasaskan data

Sasaran pingat bagi SUKMA 2028 akan ditetapkan berdasarkan analisis kekuatan atlet, prestasi semasa, rekod pertandingan dan potensi sebenar setiap sukan. Penetapan sasaran ini akan membolehkan sumber kewangan, kemudahan latihan dan sokongan kepakaran disalurkan secara lebih strategik.

7. Penetapan had kelayakan baru bagi sukan individu dan berpasukan

Memperketat kriteria pemilihan dan kelayakan atlet bagi sukan individu serta sukan berpasukan melalui penetapan standard prestasi minimum yang lebih tinggi. Pemilihan akan berasaskan merit, pencapaian pertandingan dan penilaian potensi pingat bagi memastikan atlet yang dipilih benar-benar bersedia, berdaya saing dan berupaya menyumbang pingat kepada kontinjen Johor.

8. Mewajibkan perancangan latihan berstruktur dan pemantauan setiap empat bulan

Setiap persatuan sukan perlu mengemukakan pelan latihan tahunan yang lengkap merangkumi periodisasi latihan, sasaran prestasi, jadual pertandingan dan kaedah penilaian atlet. MSNJ akan melaksanakan pemantauan sekurang-kurangnya setiap empat bulan bagi menilai kemajuan program, mengenal pasti kelemahan pelaksanaan serta memastikan tindakan pembetulan dapat dilaksanakan dengan segera.

Kerajaan Negeri akan beralih daripada pendekatan yang menumpukan kepada penyertaan kontinjen kepada pendekatan yang lebih berfokuskan prestasi dan pencapaian pingat. Ini termasuk memperketat standard kelayakan atlet, memperkukuh kualiti kejurulatihan, memastikan setiap sukan mempunyai program latihan berstruktur serta mengaitkan bantuan kewangan kepada persatuan dengan pencapaian KPI yang ditetapkan. Matlamatnya adalah untuk memastikan setiap atlet yang dipilih benar-benar bersedia dan berupaya menyumbang kepada kejayaan kontinjen Johor pada SUKMA XXIII Kelantan 2028.

9. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) negeri Johor dijadikan sebagai jabatan angkat setiap sukan di SUKMA

Bagi menjayakan agenda Johor Sports Nation 2030, kerjasama serta sokongan daripada PBT serta GLC negeri Johor akan dapat membantu untuk memastikan setiap pasukan serta persatuan dapat menjalankan program pembangunan dengan lebih terancang.

Di Selangor, setiap PBT dan GLC diberikan tanggungjawab untuk menjaga sukan-sukan terutama Sukan yang dipertandingkan di SUKMA. Sebagai contoh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjaga sukan Berbasikal (8 pingat emas) dan Bola Tampar (2 pingat emas) di SUKMA XXII Selangor 2026. Antara bantuan yang diberikan oleh pihak MBSA antaranya:

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

1. Penyediaan kemudahan serta tempat latihan yang khusus untuk sukan angkat

2. Bantuan aset-aset kenderaan PBT bagi menjalankan latihan dan menyertai pertandingan

3. Bantuan keperluan peralatan pasukan sepanjang tempoh persediaan pasukan

4. Menempatkan atlet-atlet negeri yang berkelayakan bekerja di PBT

Di negeri Johor kita juga boleh menjalankan program seperti ini dengan kemampuan PBT serta GLC yang sedia ada dengan melihat kemampuan PBT tersebut sebagai contoh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mempunyai kemudahan Pusat Akuatik MBJB di Larkin, Dewan-dewan serbaguna di bawah pengurusan MBJB yang boleh dijadikan sebagai pusat latihan sukan-sukan seperti Taekwondo, Karate dan lain-lain. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) juga mempunyai kemudahan fasiliti sukan yang bertaraf antarabangsa seperti Arena Emas terdapat gelanggang Lawn Bowl, Petanque, Squash dan Lapang Sasar Memanah yang boleh membantu sukan-sukan ini menjalankan latihan dengan lebih tersusun.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 34 (A120)

Nyatakan jumlah peningkatan hasil kutipan bayaran parkir semua PBT yang menggunakan sistem Parkmax. Apakah alternatif pembayaran disediakan bagi golongan warga emas dan pengguna yang kurang mahir menggunakan telefon pintar seperti kaedah pembayaran secara tunai melalui ejen di negeri Selangor?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan aplikasi pembayaran parkir secara digital Parkmax@Johor pada masa ini melibatkan tujuh (7) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor, iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Muar (MPM), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Majlis Perbandaran Segamat (MPS), Majlis Daerah Tangkak (MDT) dan Majlis Daerah Mersing (MDM).

Sementara itu, PBT yang lain hanya melalui pelaksanaan secara percubaan *(trial run)* bermula dari Mei hingga November 2025 dan seterusnya dilanjutkan bagi tempoh Disember 2025 hingga Jun 2026. Pelaksanaan percubaan ini bertujuan menilai keberkesanan sistem, impaknya terhadap prestasi kutipan hasil serta tahap penerimaan dan pematuhan pengguna sebelum peluasan pelaksanaan secara rasmi dipertimbangkan.

Pelaksanaan Parkmax@Johor merupakan antara inisiatif strategik Kerajaan Negeri dalam memperkukuh agenda pendigitalan perkhidmatan PBT, selaras dengan aspirasi pembangunan Bandar Pintar Negeri Johor. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan tempat letak kereta, malah turut memperkukuh ketelusan urus niaga, mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta menyokong pencapaian kriteria penarafan Bandar Pintar. Sehubungan itu, pelaksanaan sistem ini merupakan langkah ke arah membangunkan ekosistem pengurusan parkir yang lebih cekap, sistematik dan berteraskan teknologi digital di seluruh Negeri Johor.

Dari aspek prestasi kutipan hasil, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada PBT, pelaksanaan sistem pembayaran parkir secara digital menunjukkan perkembangan yang positif, khususnya dari segi peningkatan hasil kutipan bayaran parkir.

Secara keseluruhannya, perkembangan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem pembayaran parkir secara digital berpotensi meningkatkan hasil kutipan PBT, di samping memperkukuh pematuhan pembayaran dalam kalangan pengguna serta meningkatkan kecekapan pemantauan dan pengurusan hasil.

Dalam memastikan agenda pendigitalan perkhidmatan parkir dapat dilaksanakan secara inklusif tanpa menjejaskan akses golongan warga emas dan pengguna yang kurang mahir

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026**

menggunakan telefon pintar, PBT turut menyediakan beberapa kaedah pembayaran alternatif bagi memenuhi keperluan dan kemampuan pengguna yang berbeza. Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

(i) Pembayaran tunai melalui ejen e-Kupon
Pengguna boleh membuat pembayaran parkir secara tunai melalui ejen jualan atau ejen e-Kupon yang dilantik. Kemudahan ini membolehkan pengguna yang tidak memiliki telefon pintar atau kurang mahir menggunakan aplikasi digital terus mendapatkan akses kepada perkhidmatan pembayaran parkir tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada kaedah pembayaran secara dalam talian.

(ii) Pembayaran oleh ahli keluarga atau wakil
Kemudahan pembayaran secara digital oleh ahli keluarga atau wakil bagi pihak pengguna turut disediakan. Kaedah ini dapat membantu golongan warga emas serta pengguna yang menghadapi kesukaran mengendalikan aplikasi pembayaran untuk menjelaskan bayaran parkir dengan lebih mudah.

(iii) Pembelian kupon dan pas parkir
Kemudahan pembelian kupon digital melalui ejen jualan serta bantuan pembelian pas bulanan melalui kaunter atau pejabat pengendali sistem turut disediakan oleh PBT tertentu bagi memudahkan urusan pembayaran, khususnya kepada pengguna yang memilih kaedah pembayaran secara bersemuka.

(iv) Kemudahan khidmat bantuan pengguna
Khidmat bantuan turut disediakan bagi membantu pengguna yang menghadapi kesukaran untuk mengakses atau menggunakan aplikasi pembayaran. Kemudahan ini bertujuan memastikan pengguna mendapat panduan dan bantuan sewajarnya agar urusan pembayaran parkir dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sebagai kesimpulan, pelaksanaan Parkmax@Johor merupakan satu langkah strategik Kerajaan Negeri dalam memperkukuh pendigitalan perkhidmatan PBT, dengan potensi meningkatkan hasil kutipan, mempertingkatkan pematuhan pembayaran serta memastikan pengurusan parkir dilaksanakan secara lebih sistematik, telus dan cekap.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui PBT akan terus memberi perhatian kepada aspek keterangkuman perkhidmatan dengan memastikan alternatif pembayaran, khususnya pembayaran tunai melalui ejen e-Kupon dan kemudahan bantuan pembayaran oleh ahli keluarga atau wakil, terus diberi perhatian bagi memenuhi keperluan golongan warga emas serta pengguna yang kurang mahir menggunakan teknologi digital.

Pendekatan ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan transformasi digital perkhidmatan PBT bukan sahaja berupaya meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan hasil kerajaan, malah dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa meminggirkan mana-mana golongan pengguna.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN MOHD AZAHAR BIN IBRAHIM (TENANG)
SOALAN 35 (A76)

Apakah strategi bersepadu yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor melalui kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri, PBT dan agensi berkaitan bagi mengawal peningkatan kes demam denggi, khususnya di kawasan perumahan, tapak pembinaan dan tanah kosong yang tidak diselenggara?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Perkara ini dibincangkan bagi penyelarasan bersama agensi di peringkat negeri semasa Mesyuarat Khas Denggi pada 04 Ogos 2026 yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar dan Mesyuarat JK Tindakan dan Pembangunan Daerah di peringkat daerah. Bagi lokaliti berisiko, penyelarasan berfokus dibuat semasa Mesyuarat Tindakan Wabak Denggi dengan penglibatan Pegawai Daerah, Ahli Majlis dan semua agensi berkaitan. Komitmen Ahli Majlis dan agensi dipergiatkan lagi semasa Program Johor Bersih melalui aktiviti gotong-royong bersasar dan pendidikan kesihatan.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM200,000 di bawah inisiatif Program Johor Bebas Denggi 2026 bagi aktiviti pencegahan dan kawalan denggi seperti *community larvaciding*, inisiatif perangkap nyamuk *(Aedes Tech Mosquito Home System)*, *Outdoor Residual Spray (ORS)* dan pelaksanaan inisiatif KomBeD (Komuniti Bebas Denggi). Kerajaan negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM166,480.00 bagi kos *Pest Control Officer (PCO)* untuk kawalan denggi.

Antara tindakan lain yang telah diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor melalui tindakan bersama agensi peringkat negeri seperti:

i. Mobilisasi anggota kesihatan melibatkan Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan semua daerah di negeri Johor bagi aktiviti kawalan denggi khususnya untuk membantu daerah dengan beban tinggi seperti Johor Bahru dan Kulai.
ii. Operasi Bersepadu Bertema seperti di tapak bina, kawasan industri, tempat tumpuan awam dan pusat pengajian tinggi/kolej.
iii. Edaran aerosol di lokaliti wabak tidak terkawal dan Hotspot bagi semburan di dalam rumah.
iv. *Townhall* kawalan denggi melibatkan persatuan penduduk, kontraktor tapak bina, surau, sekolah, perkilangan dan industri, rumah ibadat dan kuarters kerajaan.
v. Penyelarasan penglibatan komuniti, mahasiswa kolej/universiti, COMBI dan Southern Volunteers bagi aktiviti cari musnah, *community larvaciding,* inisiatif perangkap nyamuk *(Aedes Tech Mosquito Home System),* gotong royong bersasar dan aktiviti pendidikan kesihatan
vi. Sebaran infografik (Media Digital Johor, *LED board* oleh setiap PBT dan LCD TV di surau/masjid).

Sesi podcast di RTMJB dan taklimat denggi sebelum solat Jumaat.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN IR. TS. IS. GS. BR. PMR. QPR. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 36 (A66)

Asap pembakaran hutan saban tahun merentasi sempadan negara dan negeri Johor. Peningkatan masalah pernafasaan, kemalangan juga berpunca daripada permasalahan ini. Apakah tindakan yang telah diambil secara bersama dengan kerajaan persekutuan bagi memastikan masalah ini tidak berulang lagi?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Antara tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan secara bersama adalah seperti berikut:

i. Pemantauan kualiti udara secara berterusan melalui rangkaian stesen Sistem Pengurusan Indeks Pencemar Udara (APIMS) bagi mengenal pasti perubahan kualiti udara dan tahap IPU. Pemantauan ini membolehkan tindakan awal diambil sekiranya berlaku peningkatan pencemaran udara.

ii. Penguatkuasaan terhadap aktiviti pembakaran terbuka melalui operasi bersepadu JAS bersama agensi penguat kuasa berkaitan, termasuk pemantauan kawasan berisiko tinggi, rondaan dan penggunaan teknologi dron bagi mengesan aktiviti pembakaran serta kebakaran di kawasan hutan dan tanah gambut.

iii. Penyelarasan tindakan antara agensi di peringkat negeri dan Persekutuan, termasuk dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perhutanan, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi berkaitan bagi memastikan kejadian kebakaran dapat dikesan dan dikawal dengan segera.

iv. Kerjasama serantau dalam menangani jerebu rentas sempadan melalui mekanisme kerjasama ASEAN, termasuk pelaksanaan komitmen di bawah Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution).

v. Pengaktifan pelan tindakan kebangsaan iaitu Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menyelaras kesiapsiagaan serta tindakan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri, khususnya ketika cuaca panas dan kering.

vi. Program kesedaran dan pendidikan awam dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan pihak industri mengenai larangan pembakaran terbuka serta kesannya terhadap kesihatan awam dan alam sekitar. Bagi Negeri Johor, JAS turut mempertingkatkan kesiapsiagaan menghadapi risiko kebakaran tanah gambut dan jerebu melalui pemantauan kawasan berisiko tinggi,

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

rondaan serta penggunaan dron. Perkara ini turut diberi perhatian susulan risiko jerebu rentas sempadan yang boleh menjejaskan kualiti udara negeri Johor.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 37 (A98)

Kerajaan pusat telah mengumumkan pelarasan pengurangan peruntukan Kementerian Kesihatan Malaysia sebanyak RM500 juta bagi tahun 2026. Apakah implikasi yang dihadapi atas pelarasan tersebut terhadap perkhidmatan kesihatan di dalam negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Peruntukan Belanja Mengurus (B42) yang diterima sehingga suku ketiga tahun 2026 (30 September) adalah berjumlah RM3,368,988,652.00 manakala bagi tahun 2025 berjumlah RM2,880,038,551.00 iaitu peningkatan sebanyak 16.97%. Dengan peruntukan belanja mengurus ini, pengoperasian dan tadbir urus Jabatan Kesihatan Negeri Johor dilaksanakan mengikut peruntukan yang diterima.

Bagi peruntukan Pembangunan(P42), jumlah peruntukan yang diterima sehingga suku ketiga tahun 2026 (30 September) adalah sebanyak RM361,379,824.05 berbanding tahun 2025 sebanyak RM 347,077,222.93 iaitu peningkatan sebanyak 4.12%. Peruntukan Pembangunan telah dibelanjakan mengikut perancangan dan berdasarkan kemajuan sebenar setiap kerja.

Secara umumnya, perkhidmatan kesihatan di Negeri Johor berjalan seperti biasa meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran seperti peningkatan pesakit dan keperluan menambah baik fasiliti dan perkhidmatan sedia ada bagi memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya bangsa Johor.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 38 (A99)

Taman Negara Endau Rompin Selai Bekok telah rosak teruk akibat banjir pada 2023 yang lalu. Apakah perkembangan usaha pemulihan Taman Negara Endau Rompin (Selai Bekok) bagi merancakkan lagi kempen Tahun Melawat Johor yang dilanjutkan pada tahun 2027?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Kejadian bencana di Taman Negara Johor Endau-Rompin (Selai) pada tahun 2023 berpunca daripada hujan lebat dan hujan ekstrem yang mengakibatkan kejadian banjir besar, kepala air, banjir lumpur serta aliran puing (debris flow). Berdasarkan laporan kajian, hujan pada 27 hingga 28 Februari 2023 direkodkan sekitar 350 mm, diikuti kira-kira 230 mm pada 3 hingga 4 Mac 2023. Laporan Jabatan Kerja Raya (JKR) turut merekodkan kejadian runtuhan cerun pada 1 Mac 2023. Kajian Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga meneliti kejadian hujan ekstrem pada 27 Mac 2023 yang mengakibatkan fenomena kepala air, banjir lumpur dan aliran puing di kawasan taman.

Susulan kejadian tersebut, JKR Bahagian Cerun telah dijemput untuk menjalankan lawatan pemeriksaan dan penilaian tapak. Lawatan bersama pihak JKR dan agensi berkaitan telah dibuat pada Mei 2023, manakala laporan penilaian cerun disediakan pada Julai 2023. Laporan JKR mengenal pasti empat lokasi runtuhan cerun, iaitu tiga lokasi cerun jenis upslope di sepanjang laluan utama taman dan satu lokasi di kawasan penginapan yang melibatkan runtuhan upslope serta downslope.

Antara kerosakan utama yang dikenal pasti melalui pemeriksaan JKR ialah laluan utama taman dipenuhi sisa runtuhan batu, tanah, kayu dan batang pokok sehingga menjejaskan akses masuk. Aliran puing turut menyebabkan kerosakan kepada struktur culvert dan sistem saliran. Di kawasan penginapan pula, runtuhan cerun dan aliran puing telah mengakibatkan kerosakan kepada struktur kemudahan sedia ada. Keadaan ini memberi kesan kepada keselamatan pengunjung, operasi taman serta kemudahan rekreasi dan pelancongan.

Bagi mendapatkan penilaian yang lebih menyeluruh, PTNJ turut melaksanakan Kajian Impak Bencana dan Hala Tuju Taman Negara Johor Endau-Rompin (Selai) dengan penglibatan pakar daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajian ini merangkumi tiga komponen utama, iaitu kajian forensik cerun, kajian tahap risiko dan audit pelancongan, serta kajian daya tahan dan kebergantungan komuniti terhadap taman negara.

Secara ringkas, kajian UTM mengenal pasti risiko berkaitan cerun tidak stabil, tanah runtuh, hakisan, kepala air dan banjir puing, khususnya di kawasan tumpuan pengunjung seperti tapak perkhemahan, denai hutan, kawasan air terjun serta kompleks Lubuk Tapah. Kajian audit pelancongan turut mengesyorkan penambahbaikan terhadap peralatan

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

kecemasan dan komunikasi, pelan pemindahan, kawasan berkumpul, latihan keselamatan, papan tanda amaran serta penyelarasan prosedur operasi bersama agensi penyelamat. Kajian tersebut juga menilai kesan penutupan taman terhadap komuniti setempat, pengusaha pelancongan, penduduk dan aktiviti ekonomi.

Antara langkah mitigasi jangka panjang yang disyorkan oleh kajian UTM termasuklah pelaksanaan sistem amaran awal berdasarkan maklumat hujan dan cerapan di lapangan, pemantauan cerun berisiko secara berkala, penyediaan papan tanda amaran di lokasi strategik, penyediaan kawasan berkumpul dan laluan evakuasi, latihan kecemasan kepada pegawai serta renjer, dan penyediaan kit keselamatan. Cadangan ini menjadi panduan kepada PTNJ dalam merancang pemulihan dan pengoperasian semula taman secara lebih selamat dan berdaya tahan.

Dari aspek pembangunan, satu cadangan projek pembangunan Taman Negara Johor Endau-Rompin (Selai) telah disediakan untuk dipohon di bawah RMK-13 Rolling Plan 3 melalui ECER dengan anggaran siling permohonan sebanyak RM55 juta. Cadangan ini bertujuan menaik taraf Selai sebagai salah satu pintu masuk taman negara utama di Malaysia serta menyokong aktiviti eko- pelancongan di daerah Segamat berasaskan alam semula jadi, sejarah dan pertanian.

Skop pembangunan yang dicadangkan merangkumi pembaikan jalan masuk dan cerun; pembinaan Kompleks Pusat Informasi atau Rainforest Discovery Centre (RDC); serta pembinaan infrastruktur pelancongan seperti mercu tanda, pintu gerbang, menara tinjau, tandas, surau, pusat pendaftaran masuk dan kawasan parkir. Cadangan hasil projek turut menyasarkan peningkatan kehadiran pelancong, pewujudan peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli serta peluang keusahawanan baharu dalam bidang pemanduan pelancong, makanan dan minuman serta kraftangan Orang Asli.

Secara keseluruhannya, usaha pemulihan dan pembangunan TNJER Selai akan dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada keselamatan pengunjung, pengurangan risiko bencana, pemuliharaan biodiversiti dan kelestarian alam sekitar. Pembangunan eko-pelancongan yang dirancang diharap dapat memberi limpahan ekonomi secara mampan kepada komuniti setempat.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB CIK FELICIA POH RUI LING (PENGGARAM)
SOALAN 39 (A141)

Berapakah jumlah penerima yang layak untuk BKJ FASA 4 bagi setiap kategori dan berapa banyak yang tidak dituntut berdasarkan daerah dan bagaimanakah wang tersebut boleh dituntut?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN

Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited memastikan Bantuan Kasih Johor (BKJ) disalurkan kepada kumpulan sasar yang layak. Berdasarkan Laporan Harian Prestasi Agihan BKJ Rayuan Fasa 4 yang dikemukakan, rekod bagi tiga kategori di bawah pelaporan ini merangkumi **111,912 penerima rayuan**, dengan **56,321 bantuan direkodkan telah diserahkan** dan **baki 47,081** belum direkodkan sebagai diserahkan.

Pembayaran BKJ Fasa 4 kepada penerima secara tunai menggunakan kaedah AP 96(a). Pembayar secara AP 96(a) perlu dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Penerima yang layak boleh membuat tuntutan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri juga turut membenarkan penerima diwakili oleh individu yang disahkan sebagai wakil untuk mengambil bantuan tunai tersebut. Pusat Tanggungjwab (PTJ) perlu memasukkan wang tunai yang tidak dapat diagihkan ke dalam bank kerajaan dalam tempoh 21 hari dari tarikh EFT. Penerima tidak boleh membuat tuntutan selepas daripada tempoh yang telah ditetapkan.

PECAHAN MENGIKUT KATEGORI ADALAH SEPERTI BERIKUT:

Kategori	Penerima Dalam Rekod Rayuan	Telah Diserahkan	Belum Diserahkan
Warga Emas	**108,770**	**54,799**	**46,277**
OKU Tidak Bersekolah	**2,497**	**1,034**	**647**
Bantuan Am	**645**	**488**	**157**
JUMLAH	**111,912**	**56,321**	**47,081**

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

LAMPIRAN A: PECAHAN BELUM DISERAHKAN MENGIKUT DAERAH

Daerah	Warga Emas	OKU tidak bersekolah	Bantuan Am	Jumlah
Johor Bahru	25,649	925	113	26,452
Batu Pahat	5,304	201	10	5,538
Muar	3,912	68	0	4,714
Kluang	4,502	92	0	4,598
Tangkak	4,023	31	15	4,070
Kulai	3,126	51	0	3,177
Segamat	0	84	18	3,113
Pontian	1,921	18	0	1,966
Mersing	581	7	1	589
Kota Tinggi	385	0	0	390
JUMLAH	**46,277**	**647**	**157**	**46,975**

Untuk makluman, YPKDT adalah agensi pelaksana bagi **Inisiatif Suri Rumah Tidak Bekerja dan Pasangan Baru Berkahwin Bukan Islam** di bawah Bantuan Kasih Johor Fasa 4 telah disampaikan pada **16 Mei 2026 sehingga 31 Mei 2026.** Manakala sesi tuntutan bilas bagi mereka yang tidak hadir semasa sesi penyempaian pertama di setiap dun, telah berlangsung pada **1 Jun 2026 sehingga 25 Jun 2026.** Bagi mereka yang tidak hadir sehingga selesai sesi bilasan, YPKDT telah memulangkan semula tunai BKJ Fasa 4 kepada Pejabat Menteri Besar Johor.

Pada **1 Julai 2026 sehingga 14 Julai 2026** yang lalu, Kerajaan Negeri Johor telah membuka sesi pendaftaran rayuan bagi inisiatif BKJ Fasa 4. Penyampaian BKJ Fasa Rayuan telah pon selesai dilaksanakan bermula **1 Oktober 2026 sehingga 31 Oktober 2026** yang lalu.

PECAHAN MENGIKUT KATEGORI ADALAH SEPERTI BERIKUT:

Kategori	Penerima Dalam Rekod Rayuan	Telah Diserahkan	Belum Diserahkan
Suri Rumah Tidak Bekerja	**101,220**	**95,638**	**4,181**
Pasangan Baru Berkahwin Bukan Islam	**21,450**	**13,454**	**7,996**
JUMLAH	**122,670**	**109,092**	**12,177**

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

1. BKJ Fasa 4 Suri Rumah Tidak Bekerja

Terdapat **101,220** orang penerima yang layak menerima bantuan ini. Namun begitu, hanya **95,638** penerima telah selesai menerima bantuan tunai tersebut iaitu **94%** kehadiran. Manakala seramai **5,582** penerima Suri Rumah tidak hadir. Namun begitu, daripada data yang tidak hadir ini juga, YPKDT telah mengenalpasti terdapat data-data rosak dan tidak layak. Justeru pada Fasa Rayuan, hanya seramai **4,181** penerima nama tidak hadir telah layak di bawa ke sesi rayuan.

Justeru Bagi **BKJ Fasa Rayuan Suri Rumah Tidak Bekerja**, seramai **87,765** permohonan rayuan layak dan **4,181** penerima tidak hadir menjadikan jumlah keseluruhan penerima Fasa Rayuan seramai **91,946 penerima layak.**

2. BKJ Fasa 4 Pasangan Baru Berkahwin Bukan Islam

Terdapat **21,450** penerima telah layak menerima bantuan ini. Namun begitu hanya **13,454** penerima telah hadir dan selesai menerima bantuan tunai iaitu sebanyak **63%** kehadiran. Manakala seramai **7,996** penerima pasangan baru berkahwin bukan Islam tidak hadir.

Justeru bagi **BKJ Rayuan Pasangan Baru Berkahwin Bukan Islam**, seramai **7,996 penerima tidak hadir dan 274 pendaftaran baru rayuan** menjadikan keseluruhan seramai **8,270 penerima layak**.

LAMPIRAN B: PECAHAN BELUM DISERAHKAN MENGIKUT DAERAH

Daerah	Suri Rumah Tidak Bekerja	Pasangan Baru Berkahwin Bukan Islam	Jumlah
Johor Bahru	1,811	4,432	6,243
Batu Pahat	782	805	1,587
Muar	152	411	563
Kluang	126	530	656
Tangkak	117	146	263
Kulai	175	740	915
Segamat	271	468	739
Pontian	132	188	320
Mersing	52	13	65
Kota Tinggi	563	263	826
JUMLAH	**4,181**	**7,996**	**12,177**

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB PUAN NADHIRAH AFIQAH BINTI ABDULL RAHIM (SEROM)
SOALAN 40 (A174)

Hakisan tanah di tepian Sungai Muar, bermula dari Tanjung Agas – persisiran sungai sehingga penghujung kawasan Serom. Isunya iaitu berlakunya kejadian tanah mendap serta hakisan. Apakah usaha pihak berkaitan untuk mengatasi masalah ini, seterusnya merancang pembangunan sebagai kawasan potensi pelancong?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. HAJI MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman YB, Sungai Muar merupakan sempadan antara Daerah Tangkak dan Daerah Muar.

Hasil siasatan Jabatan Pengairan dan Saliran mendapati terdapat beberapa kawasan yang berlakunya kejadian tanah mendap dan hakisan tebing Sungai Muar di Kampung Parit Bunga dan Kampung Tanjung Agas.

Pihak Jabatan akan sentiasa memantau tahap hakisan yang berlaku dan membuat permohonan peruntukan bagi pengawalan hakisan tersebut sekiranya keadaan semakin teruk selepas tempoh Monsun Timur Laut.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 41 (A200)

Adakah kerajaan negeri bercadang memberikan keutamaan dalam Belanjawan Johor 2027 bagi melaksanakan pembaikan dan pengukuhan benteng yang mengalami kerosakan serta berisiko mengancam keselamatan penduduk di kawasan DUN Senggarang, dan apakah komitmen kerajaan untuk memastikan pelaksanaan projek tersebut tidak terus tertangguh?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. HAJI MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman, JPS Negeri Johor melalui JPS Daerah Batu Pahat sedang melaksanakan satu kontrak kerja Projek Pembinaan Dan Pembaikan Ban Pantai Di Pantai Skim Tampok, Pantai Skim Rengit, Pantai Skim Minyak Beku, Pantai Skim Peserai dan Pantai Skim Senggarang Di Batu Pahat Johor yang telah bermula pada 24 Oktober 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada 23 Disember 2027. Projek ini merupakan peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Projek Mengatasi Masalah Fenomena Air Pasang Besar Dan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri.

Bagi pelan jangka pendek, pihak JPS Negeri Johor melalui JPS Daerah Batu Pahat sedang giat membuat pemantauan terhadap benteng pantai di bawah seliaan JPS dan akan melaksanakan kerja-kerja kecemasan bagi membaikpulih dan pengukuhan benteng yang berisiko dan memerlukan pembaikan segera.

Selain itu juga, JPS Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Zon Pantai sedang melaksanakan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Johor (Pantai Barat) yang turut meliputi kawasan kajian di bawah DUN Senggarang. Kajian ini dijangka siap pada tahun 2028. Objektif kajian ini adalah bagi menyediakan pelan pengurusan pantai bersepadu bagi zon pantai Negeri Johor (pantai barat).

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN MOHD YOUZAIMI BIN HAJI YUSOF (TENGGAROH)
SOALAN 42 (A24)

Apakah pelan jangka panjang kerajaan negeri untuk menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan terutama projek hakisan pantai dan mendalamkan Kuala Mersing serta Kuala Tanjung Leman bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk dan pelancong?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. HAJI MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Mersing sedang menjalankan Kerja-Kerja Pengawalan Hakisan Pantai Di Pantai Mersing Kanan Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan, Mersing, Johor dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Pantai Tanjung Mersing Akibat Kesan Monsun Timur Laut, Daerah Mersing, Johor Darul Takzim melalui peruntukan negeri dan peruntukan persekutuan dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.4 juta bagi tujuan pengawalan hakisan pantai secara penyelesaian jangka pendek.

Bagi langkah jangka panjang pula, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor akan mengangkat semula permohonan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Persisiran Pantai Darat Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan, Daerah Mersing, Johor Darul Ta'zim di dalam Rolling Plan ke-3 Rancangan Malaysia ke-13.

Bagi kerja mendalamkan Kuala Mersing adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Laut Malaysia manakala di Kuala Tanjung Leman pula, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor sedang memohon peruntukan Rancangan Johor 5 Tahun (RJ5T) pada tahun 2027 dengan kos sebanyak RM500 ribu secara berkala sela setiap dua tahun.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 43 (A9)

Apakah status permohonan Sri Medan bagi cadangan susur keluar tol lebuhraya ke Sri Medan dalam perbahasan yang lepas?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. HAJI MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor mengambil perhatian terhadap cadangan pembinaan susur keluar tol lebuh raya ke Sri Medan yang telah dibangkitkan dalam persidangan Dewan sebelum ini.

Kerajaan Negeri memahami kepentingan cadangan ini dalam meningkatkan kemudahan perhubungan dan akses penduduk Sri Medan serta kawasan sekitarnya ke rangkaian lebuh raya utama.

Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan susur keluar tol baharu memerlukan penelitian dan penilaian teknikal oleh pihak berkuasa yang berkaitan, khususnya Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dengan mengambil kira aspek kesesuaian jajaran, keselamatan jalan raya, keperluan trafik dan implikasi kos pelaksanaan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan mendapatkan pengesahan lanjut berhubung status cadangan berkenaan daripada pihak LLM bagi menentukan tindakan susulan yang bersesuaian.

Kerajaan Negeri kekal komited untuk menyelaras keperluan pembangunan infrastruktur jalan raya yang dapat meningkatkan kesalinghubungan dan memberi manfaat kepada rakyat.

SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI JUMAAT, 20 NOVEMBER 2026

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 44 (A124)

Nyatakan perkembangan terkini projek jalan pintas dari Jalan Sawah (J113) ke Ulu Choh (J7), jumlah peruntukan yang telah dipohon kepada kementerian serta status permohonan tersebut. Apakah tindakan susulan kerajaan negeri dan jangka masa yang disasarkan untuk memulakan pelaksanaan projek ini?

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. HAJI MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor mengambil perhatian terhadap keperluan pembinaan jalan pintas yang menghubungkan Jalan Sawah (J113) ke Ulu Choh (J7) bagi meningkatkan kesalinghubungan jalan raya serta mengurangkan kesesakan trafik di kawasan Pekan Nanas dan sekitarnya.

Sebagai langkah ke arah memperkukuh jaringan jalan raya di kawasan berkenaan, Kerajaan Negeri melalui Belanjawan Johor 2027 telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM1 juta bagi pelaksanaan kerja awalan cadangan menaik taraf Jalan Ulu Choh–Gelang Patah dan pembinaan Jalan Pintas Pekan Nanas**.

Peruntukan kerja awalan ini merupakan antara usaha persediaan bagi membolehkan cadangan pembangunan infrastruktur jalan raya di kawasan berkenaan diperhalusi sebelum pelaksanaan fizikal dapat dipertimbangkan.

Berhubung jumlah peruntukan yang telah dipohon kepada kementerian dan status permohonan khusus bagi projek Jalan Sawah (J113) ke Ulu Choh (J7), perkara tersebut masih memerlukan pengesahan lanjut daripada Jabatan Kerja Raya dan agensi Persekutuan yang berkaitan.

Kerajaan Negeri akan meneruskan penyelarasan bersama pihak berkenaan bagi mendapatkan status terkini serta mengenal pasti keperluan teknikal, pembiayaan dan perancangan pelaksanaan projek.

Justeru, jangka masa untuk memulakan kerja fizikal hanya dapat dimuktamadkan setelah skop projek, keperluan peruntukan dan kelulusan pelaksanaan disahkan oleh pihak berkaitan.